


# **PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023**



JABATAN PERDANA MENTERI

# MEMECAH RANTAIAN RASUAH

“Komitmen Kerajaan adalah untuk mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”

Tun Dr Mahathir bin Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia



ISBN No.: 978-983-43953-9-1

DITERBITKAN OLEH:



JABATAN PERDANA MENTERI

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional  
Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62520 Putrajaya

Tel : +603-88727140/7184  
Fax : +603-88905440

© GIACC 2019

#### HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksplotasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

# AMANAT KEPIMPINAN




# Pernyataan Visi

Sebelum 9 Mei 2018, kebanyakan rakyat Malaysia merasa mual dengan kejadian rasuah yang berleluasa dalam negara yang melibatkan Kerajaan, yang digelar sebagai sebuah kleptokrasi diperingkat antarabangsa. Mereka menyalurkan kemarahan mereka melalui peti undi yang membawa kepada perubahan Kerajaan, menumbangkan parti/gabungan yang memerintah negara sejak kemerdekaan. Oleh itu, penting bagi Kerajaan baharu untuk sentiasa diingatkan bahawa satu-satunya isu yang membawa kepada kejatuhan Kerajaan yang berusia 61 tahun itu adalah amalan rasuahnya.

Kerajaan baharu di bawah gabungan parti-parti Pakatan Harapan, komited untuk membanteras rasuah. Untuk itu, sejak mengambil alih tadbir urus negara, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah dan memperkenalkan dasar-dasar yang unik dan inovatif. Kerajaan akan memastikan usaha ini dilaksanakan untuk melindungi hak rakyat, menghentikan ketirisan dana awam, memperkuatkan keselamatan negara dan memacu pertumbuhan ekonomi. Usaha ini juga selaras dengan Perkara 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Memerangi Rasuah (*United Nations Convention against Corruption - UNCAC*) dan Pernyataan Kuala Lumpur mengenai Strategi Antirasuah pada tahun 2013.

Melangkah ke hadapan, kami telah membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan - NACP*) untuk mencapai aspirasi supaya “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. Pelan ini dibuat selepas mengambil kira pandangan daripada pemegang taruh untuk membolehkan kami menjajarkan strategi kami ke arah mencapai visinya. Kami juga menangani rasuah dengan mempromosikan ketelusan, sikap bertanggungjawab dan integriti dalam semua pentadbiran Kerajaan seperti yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goal - SDG*), iaitu matlamat 16 yang mempromosikan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, memberikan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat. Kepimpinan melalui teladan adalah cara yang berkesan untuk mencapai keadaan di mana setiap warganegara tidak mengamalkan amalan rasuah. Pemimpin negara mesti menunjukkan komitmen mereka menentang rasuah dari awal lagi dan diikuti oleh pelbagai sektor, organisasi, dan setiap unit keluarga dalam masyarakat secara keseluruhan.

Perlu ditekankan ke dalam minda semua rakyat Malaysia bahawa adalah penting bagi kita untuk memerangi rasuah jika kita mahu mencapai status negara maju. Kami menggesa semua ketua jabatan, sama ada sektor awam atau swasta, entiti kepentingan awam, syarikat milik Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan untuk bersama-sama dalam usaha ini. Kita akan menegakkan kedaulatan undang-undang, menerapkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, dan integriti serta tadbir urus yang baik apabila menjalankan autoriti atau kuasa. Ini akan menjadi asas dalam usaha untuk menghapuskan rasuah dan membentuk ekosistem bebas rasuah untuk generasi akan datang. Kita yakin jika berjaya dalam usaha ini, Malaysia akan memperoleh semula kedudukan yang sepatutnya.



Tun Dr. Mahathir bin Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia  
29 Januari 2019

# PERNYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Pelan bersepada ini, yang julung kali digubal di negara ini, adalah selaras dengan Artikel 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Memerangi Rasuah (UNCAC) yang mana Malaysia merupakan salah sebuah negara anggota. Dalam membangunkan NACP, kami telah merujuk kepada “Strategi Antirasuah Kebangsaan: Panduan Praktikal untuk Pembangunan dan Pelaksanaan” oleh Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) dan telah mendapat sokongan daripada pemegang taruh berkaitan khususnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara. Disamping itu, kerjasama dengan myForesight®, Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), telah menghasilkan perancangan senario antirasuah yang menyeluruh untuk jangkamasa sehingga tahun 2030.

Kerangka dasar dan strategi Pelan ini terhasil daripada siri perbincangan dan perundingan yang dijalankan dengan sektor awam dan swasta, komuniti perniagaan dan media, NGO, pakar antirasuah dan ahli akademik. Selain itu, beberapa cadangan dan ulasan daripada beberapa inisiatif antarabangsa turut diambil kira dalam merangka Pelan ini. Antara inisiatif antarabangsa ini ialah cadangan oleh negara-negara G20 serta saranan daripada kitaran pertama dan kedua Kajian Pelaksanaan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Memerangi Rasuah (UNCAC).

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan ini, kami ingin menekankan bahawa banyak aktor telah dikenalpasti untuk tujuan pelaksanaan inisiatif yang dirancang. Melalui kerjasama dengan pemegang taruh dalam menentang angkara rasuah kami tekad untuk mewujudkan era baru yang adil lagi saksama berdasarkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti. Dengan langkah ini, kami percaya keyakinan dikalangan rakyat akan meningkat seterusnya membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi. Pelan ini akan menjadi rujukan utama selain bertindak sebagai panduan bagi semua agensi Kerajaan dan entiti berkaitan dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing. OACP ini perlu meliputi isu-isu dalam organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani.

Kami dengan ikhlas berharap bahawa Pelan ini dapat membantu mencapai visi negara bebas rasuah menjelang tahun 2023. Malaysia memerlukan sokongan dan komitmen semua untuk menghentikan sebarang bentuk rasuah daripada berkembang.



  
**Datuk Seri Dr. Ismail  
bin Haji Bakar**

Ketua Setiausaha Negara



  
**Tan Sri Abu Kassim  
bin Mohamed**

Ketua Pengarah  
Pusat Governans,  
Integriti dan  
Antirasuah Nasional  
Jabatan Perdana Menteri



  
**Dato' Sri Mohd Shukri  
bin Abdull**

Ketua Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan  
Rasuah Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri

# Ruang Lingkup Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

Perkataan “rasuah” berasal daripada bahasa Latin ‘*corruptus*’ (rosak) dan ‘*corrumpere*’ (merosak dan berpecah menjadi kepingan kecil). Menjelang pertengahan abad ke-14, *corruption* atau *corrupcion* merujuk kepada pereputan fizikal badan dan pencemaran jiwa serta keadaan moral dan rohani. Daripada segi hubungan manusia-Tuhan dan manusia-manusia, rasuah atau fasad bermaksud segala keburukan dan ketidakadilan, pemberontakan terhadap perjanjian dengan Tuhan dan menindas orang lain, sehingga gagal mengakui hak Tuhan, manusia dan ciptaan lain.

Mengikut *Corruption: A Glossary Of International Criminal Standards* yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Council of Europe dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak mendefinisikan “rasuah”. Sebaliknya, institusi ini mentafsir skop kesalahan bagi pelbagai tingkah laku rasuah. Oleh itu, Konvensyen OECD menetapkan kesalahan sogokan melibatkan pegawai awam asing, sementara Konvensyen oleh Council of Europe menetapkan kesalahan seperti melaksanakan sebarang transaksi dengan menggunakan pengaruh seseorang atau hubungan orang berpengaruh untuk mendapatkan kelebihan atau habuan untuk diri atau orang lain, dan kesalahan menyogok pegawai awam dalam atau luar negara. Selain itu, sebagai tambahan kepada etika ini, Konvensyen PBB di dalam peruntukan wajibnya turut memasukkan penggelapan, penyelewengan atau penyalahgunaan harta awam oleh penjawat awam dan halangan keadilan. Oleh itu, semua Konvensyen ini telah mewujudkan suatu piawaian antarabangsa berkaitan jenayah rasuah dengan menetapkan kesalahan khusus berkaitan rasuah, dan bukannya mewujudkan definisi umum “rasuah”.

Tidak kira bagaimana rasuah ditafsirkan hari ini, satu perkara yang jelas, integriti dan tadbir urus merupakan penyelesaian bersama kepada gejala rasuah. Ringkasnya, tiada rasuah jika manusia bertindak secara berintegriti; konsisten dalam melakukan perkara yang betul walaupun tiada siapa yang memerhatikan tindakan tersebut.


Oleh itu, integriti menjadi nukleus kepada tadbir urus. Tadbir urus didefinisikan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) menerusi kertas dasarnya pada tahun 1997 sebagai pelaksanaan kuasa ekonomi, politik dan pentadbiran dalam menguruskan hal ehwal negara di semua peringkat. Ia terdiri daripada mekanisme, proses dan institusi yang menjadi wadah kepada warganegara dan kumpulan tertentu menyatakan kepentingan mereka, menjalankan hak mereka di sisi undang-undang, memenuhi kewajipan mereka dan memurnikan pendapat mereka.

Walau bagaimanapun, bagi tujuan NACP, memandangkan integriti merupakan isu insan, tadbir urus diperluas untuk merangkumi dimensi insan seperti yang ditunjukkan dalam prinsip tadbir urus insan. Ini menjurus kepada tadbir urus apabila manusia merealisasikan tadbir urus manusia yang berhubung dengan aspek kerohanian dan kesedaran diri, pematuhan kepada peraturan, serta mekanisme, proses dan prosedur akan berlaku dengan sendirinya. Penyataan ruang lingkup NACP adalah berdasarkan kepada integriti dan tadbir urus yang disokong oleh realiti ini.


Pembangunan NACP dengan menggunakan pendekatan seumpama ini bakal memastikan perjuangan Malaysia untuk mengamalkan slogan “Hidup Tanpa Rasuah” terlaksana. Ini jugalah alasan utama mengapa NACP dibangunkan; untuk menyatukan semua inisiatif dan usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam satu pelan terintegrasi.

## Rasuah di Malaysia: SOROTAN PENTING SIAPA YANG KORUP DI MALAYSIA

Pegawai yang paling terlibat dengan rasuah berdasarkan peratusan responden



Pernahkah anda memberi rasuah kepada pegawai\*\* dalam tahun kebelakang ini?



\* termasuk pegawai di Pejabat Perdana Menteri

\*\* enam bentuk perkhidmatan: sekolah awam, hospital, Jabatan pendaftaran & imigresen, perkhidmatan utiliti, polis dan mahkamah

GRAFIK: [themalaymailonline.com](http://themalaymailonline.com)

SUMBER: Global Corruption Barometer 2017, Transparency International, GIACC

# EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA

2004

Pelan Integriti Nasional (PIN)

2010

Program Transformasi  
Kerajaan (GTP) 1.0

2012

Program Transformasi  
Kerajaan (GTP) 2.0

2019-2023

Pelan Antirasuah  
Nasional (NACP)

Antara tahun 2005 hingga 2014,  
Malaysia telah kehilangan

**RM1.8 trillion** menerusi aliran  
kewangan tidak  
sah yang mana  
sebahagian  
daripadanya berpunca  
daripada amalan rasuah.

SUMBER: Global Financial Integrity Report 2017

SEKTOR YANG PALING TERDEDAH KEPADA RASUAH

**63.30%**


Aduan rasuah diterima melibatkan

**Sektor awam**

SUMBER : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

# Rasuah di Malaysia: SOROTAN PENTING

SUMBER: Transparency International



# SINGKATAN

<b>1MDB</b>	1Malaysia Development Berhad	<b>MARA</b>	Majlis Amanah Rakyat
<b>ABMS</b>	Anti-Bribery Management System	<b>MEA</b>	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
<b>Anti-COR NKRA</b>	NKRA Antirasuah	<b>MIGHT</b>	Malaysian Industry-Government Group for High Technology
<b>ASEAN</b>	Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara	<b>MOF</b>	Kementerian Kewangan
<b>BICA</b>	Business Integrity Country Agenda	<b>MS ISO</b>	Malaysian Standard International Organization for Standardization
<b>BPA</b>	Biro Pengaduan Awam	<b>NACP</b>	Pelan Antirasuah Nasional
<b>BTI</b>	Bertelsmann Stiftung Transformation Index	<b>NKRA</b>	Bidang Keberhasilan Utama Negara
<b>CAM-Corp</b>	Central Asset Management Corporation	<b>OACP</b>	Pelan Antirasuah Organisasi
<b>CCM</b>	Companies Commission of Malaysia	<b>OECD</b>	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
<b>CEO</b>	Chief Executive Officer	<b>PAC</b>	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
<b>CeIo</b>	Pegawai Integriti Bertauliah	<b>PDRM</b>	Polis Diraja Malaysia
<b>CFS</b>	Contract For Service	<b>PIN</b>	Pelan Integriti Nasional
<b>CLBG</b>	Company Limited By Guarantee	<b>SC</b>	Suruhanjaya Sekuriti
<b>CPI</b>	Indeks Persepsi Rasuah	<b>SDG</b>	Matlamat Pembangunan Mampan
<b>FELDA</b>	Federal Land Development Authority	<b>SIAP</b>	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa
<b>GCB</b>	Global Corruption Barometer	<b>SOE</b>	Syarikat Milik Kerajaan
<b>GFI</b>	Global Financial Integrity	<b>SPR</b>	Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
<b>GIACC</b>	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional	<b>SPRM</b>	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
<b>GLC</b>	Syarikat Berkaitan Kerajaan	<b>SSM</b>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
<b>GLIC</b>	Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan	<b>TI –M</b>	Transparency International Malaysia
<b>GTP</b>	Program Transformasi Kerajaan	<b>TI</b>	Transparency International
<b>ICT</b>	Teknologi Komunikasi dan Maklumat	<b>UN</b>	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<b>IPCMC</b>	Independent Police Complaints and Misconduct Commission	<b>UNCAC</b>	Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Melawan Rasuah
<b>IRC</b>	Institutional Reforms Committee	<b>UNDP</b>	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<b>JAN</b>	Jabatan Audit Negara	<b>UNODC</b>	Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah
<b>JAR</b>	Jawatankuasa Antirasuah	<b>Wisma Putra</b>	Kementerian Luar Negara
<b>JKKMAR</b>	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah	<b>WJP</b>	World Justice Project
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya		
<b>JPA</b>	Jabatan Perkhidmatan Awam		
<b>JPM</b>	Jabatan Perdana Menteri		
<b>KDN</b>	Kementerian Dalam Negeri		
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia		
<b>M&amp;E</b>	Pemantauan dan Penilaian		

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Idea asal Pelan ini tercetus semasa Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di mana Pakatan Harapan memberikan penekanan kepada usaha untuk memastikan Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Usai PRU-14, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 8 Jun 2018 telah memutuskan bahawa satu pelan antirasuah yang menyeluruh perlu dirangka dengan segera untuk menangani isu berkaitan rasuah di negara ini. Maka terhasillah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) sebagai dokumen utama Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepada dalam memerangi rasuah.

Visi NACP adalah untuk mewujudkan negara bebas rasuah melalui penetapan tiga matlamat khusus iaitu Keber tanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif; dan Integriti dalam Perniagaan.

**Bab 1** memberi tumpuan kepada beberapa usaha yang telah diambil oleh Malaysia melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif sejak tahun 2004. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada usaha-usaha seperti ketelusan dalam pengisytiharan aset dan dasar pengurusan hadiah melibatkan Anggota Pentadbiran (termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri); pengenalan peruntukan Salahlaku Penjawat Awam; penubuhan sebuah agensi bebas bagi menguruskan aset yang telah dirampas dan dilucuthak; mengadakan garis panduan mengenai pelobi; dan pensem padanan kuasa antara Menteri dan Ketua Setiausaha masih lagi tidak dilaksanakan. Hal ini disebabkan oleh kurangnya kemauan politik yang menjadi faktor penghalang utama kepada pelaksanaan inisiatif dalam menangani isu rasuah, integriti dan tadbir urus. Dengan komitmen kuat yang ditunjukkan oleh Kerajaan baharu, NACP telah digubal untuk memberikan fokus dan hala tuju yang lebih jelas kepada Kerajaan untuk menentang rasuah.


**Bab 2** memberi tumpuan kepada senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Sesi perancangan senario telah dilaksanakan melibatkan pemegang taruh dan pakar dalam mengenalpasti isu serta mengemukakan cadangan penyelesaian yang praktikal. Hasilnya, enam strategi utama telah dikenalpasti dan telah dijadikan teras utama untuk membanteras rasuah sepertimana yang digariskan dalam Pelan ini.

Pelan ini juga menetapkan enam bidang keutamaan yang akan menjadi teras dalam usaha membanteras rasuah seperti yang dinyatakan dalam **Bab 3**. Enam bidang keutamaan tersebut ialah Tadbir Urus Politik, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Perundangan dan Kehakiman, Penguatkuasaan Undang-undang dan Tadbir Urus Korporat. Daripada enam bidang keutamaan ini, enam strategi telah dikenal pasti iaitu Mengukuhkan Integriti dan Keber tanggungjawaban Politik, Meningkatkan Keberkesaan Penyampaian Perkhidmatan Awam, Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan dalam Perolehan Awam, Meningkatkan Kredibiliti Sistem Perundangan dan Kehakiman, Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang, dan Memupuk Tadbir Urus yang Baik dalam Entiti Korporat. Strategi ini seterusnya membawa kepada 17 objektif strategik yang memayungi 115 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.

**Bab 4** memfokuskan kepada aspek pemantauan dan penilaian (M & E). Fungsi penting M & E bukan sahaja untuk memantau kemajuan yang dibuat oleh semua pemegang taruh yang berkaitan tetapi juga untuk memastikan bahawa langkah-langkah yang dilaksanakan adalah bersesuaian dengan objektif yang dirangka. Selain itu proses M & E berupaya untuk mengenal pasti jurang dalam pelaksanaan inisiatif atau program supaya setiap apa yang dirancang dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai hasil yang diharaskan.

Dengan ini, sudah tiba masanya untuk menerokai tadbir urus insan secara lebih tegas dalam meningkatkan integriti, ketelusan dan keber tanggungjawaban. Ini hanya boleh dilakukan dengan komitmen yang tinggi dan kerjasama oleh semua pihak- rakyat dan pemimpin politik. Pelan ini akan menjadi panduan terbaik untuk negara dan seluruh rakyatnya, untuk bergerak ke arah negara yang lebih teguh dan maju.

# KANDUNGAN



## BAB 1

PENGENALAN

---

---

## BAB 2

SENARIO MASA HADAPAN

---

---

## BAB 3

MEMPERKASAKAN USAHA  
PENCEGAHAN RASUAH NASIONAL

---

---

## BAB 4

TADBIR URUS

---


---

## BAB 5

KESIMPULAN

Latarbelakang	02
Isu dan Cabaran	04
Penilaian Risiko	08
Bidang-Bidang Berisiko	10
Menghubungkan Hari Ini Dengan Masa Hadapan	14
Teknologi Dalam Inisiatif Antirasuah	16
Senario Antirasuah Tahun 2030	18
Matrik Senario: Senario Antirasuah 2030	20
Gambaran Umum Matlamat Dan Kebimbangan Bersama	23
Peluang Yang Ada	24
Risiko Yang Terungkai	25
Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian	26
Keperluan Kepada Kerangka Nasional	28
Kerangka Pelan Antirasuah Nasional	30
Mengenai Kerangka Pelan	32
Analisis Ke Atas Maklumat Rasuah di Malaysia	34
Analisis Kuadran	35
Keutamaan Strategi: Penekanan 22 Inisiatif	36
Strategi 1-6	38
Mekanisme Pelaksanaan	56
Kerangka Pelaksanaan NACP	57
Koordinasi Pemantauan Dan Penilaian NACP	58
Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan & Penilaian	60
Kesimpulan	63
Penghargaan	66
Pasukan Penyunting	68





# **BAB 1**

## Pengenalan



# Latarbelakang

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada bulan April 2004 yang menampilkan rancangan terperinci selaras dengan matlamat mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi selari dengan Wawasan 2020. Program Transformasi Kerajaan (GTP) meneruskan kelangsungan prinsip asas PIN melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Banteras Rasuah. Seperti yang digariskan dalam GTP, rasuah mesti dihapuskan sepenuhnya untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta menghapuskan ketidakcepatan dalam sistem Kerajaan. Rasuah menghadkan transformasi dan pertumbuhan ekonomi negara sekali gus merencatkan usaha Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Inisiatif GTP 1.0 bertujuan menangani isu rasuah melalui pelbagai inisiatif memerangi rasuah bermula daripada peringkat paling atas hingga yang paling bawah. NKRA Antirasuah memperkenalkan program yang tidak hanya tertumpu kepada masalah rasuah dalam agensi penguat kuasa, tetapi juga memperkuat sistem perolehan Kerajaan untuk meminimumkan peluang perlakuan rasuah. Walaupun NKRA Antirasuah menyaksikan kesan yang memberangsangkan, Kerajaan pada ketika itu merasakan masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menghapuskan masalah rasuah di negara ini. Justeru GTP 2.0 dilancarkan bertujuan untuk mencapai sasaran ini melalui inisiatif dengan program terperinci. Oleh kerana pembanterasan rasuah merupakan suatu usaha jangka panjang, GTP 2.0 bertindak sebagai mekanisme penambahbaikan melalui pemantauan yang lebih berkesan terhadap beberapa inisiatif yang diperkenalkan di bawah GTP 1.0.

Namun begitu, kajian antarabangsa seperti Barometer Rasuah Global dan Indeks Persepsi Rasuah masih menunjukkan bahawa sejumlah besar rakyat tidak percaya bahawa masalah rasuah telah bertambah baik di negara ini. Keputusan tinjauan menunjukkan bahawa proses transformasi perlu dipertingkatkan, dan lebih banyak lagi perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang isu ini di semua peringkat, terutama pada tahap formatif. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di Malaysia mencatatkan purata skor 49.61 antara tahun 1995 dan 2017. Malaysia mencapai rekod skor tertinggi, 53.20, dalam tahun 1996 dan rekod skor terendah, 43, pada 2011. Lebih mendukacitakan, mulai 2014, skor Malaysia menurun setiap tahun daripada skor 52 kepada skor 47 pada tahun 2017.

Walau bagaimanapun, skor indeks hanya mampu untuk menggambarkan kedudukan relatif sesebuah negara dalam carta rasuah antarabangsa. Nilai skor ini tidak berupaya untuk menggambarkan apakah lagi mengukur dengan tepat tahap pencapaian inisiatif antirasuah di sesebuah negara. Hal ini turut diungkapkan dalam Panduan Praktikal untuk Pembangunan dan Pelaksanaan Strategi Antirasuah Kebangsaan yang diterbitkan oleh Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC), di mana ia menjelaskan bahawa kebergantungan kepada skor indeks secara total kadangkala boleh mengelirukan dalam menetapkan strategi dan hala tuju dalam pembanterasan rasuah. Justeru, dalam usaha untuk memperkasakan inisiatif antirasuah di Malaysia, Kerajaan baharu telah memutuskan untuk menggabungkan semua usaha mengenai tadbir urus, integriti dan antirasuah di bawah suatu pelan bersepakadu. Lantas, suatu keputusan untuk merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan PIN telah dibuat semasa



**PIN  
2004**

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang pertama yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada 8 Jun 2018. Pelan ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam negara bagi tempoh lima tahun akan datang.

Dalam konteks antarabangsa, Pelan ini menterjemahkan komitmen Malaysia untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang disepakati bersama di peringkat antarabangsa menjelang 2030. Salah satu matlamat SDGs iaitu **Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh** memberi tumpuan kepada kepentingan menangan rasuah dalam mencapai SDG. **Matlamat 16** merangkumi komitmen untuk memerangi rasuah, meningkatkan ketelusan, mengatasi aliran kewangan yang tidak sah dan meningkatkan akses kepada maklumat. Terdapat kesepakatan yang jelas dikalangan negara anggota PBB bahawa tanpa mengambil tindakan untuk mengurangkan rasuah, pencapaian Matlamat lain di bawah SDGs mungkin akan terhalang.

**“Rasuah dikalangan elit adalah sukar untuk diperangi kerana kuasa yang dimiliki mereka melainkan berlakunya perubahan politik yang mendadak.”**



# GTP 2.0 2012

**NACP  
2019**

DYMM Paduka Seri Sultan Dr. Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah

# Isu dan Cabaran

Berdasarkan trend rasuah di Malaysia dalam tempoh lima tahun yang lalu (2013-2018), sektor awam dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Berbanding tahap risiko 17.06% oleh sektor swasta, sektor awam mencatatkan tahap risiko yang jauh lebih tinggi iaitu 63.30%. Hal ini disebabkan oleh tadbir urus yang lemah dalam bidang perolehan, agensi penguatkuasaan undang-undang serta pentadbiran. Fenomena risiko rasuah yang tinggi di sektor awam ini turut disokong oleh statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Daripada tahun 2015 hingga 2018, sejumlah 30 pegawai peringkat pengurusan tertinggi dalam sektor awam telah ditangkap kerana terlibat dalam rasuah. Keterlibatan pegawai tertinggi sektor awam ini bukan sahaja mengakibatkan kerugian dana awam tetapi turut mempersoalkan integriti sektor awam dalam menjamin keselamatan dan kemakmuran negara.

Justeru tidak dapat dinafikan bahawa rasuah bukan sahaja boleh merosakkan individu bahkan boleh memusnahkan negara. Imej Malaysia tercemar dengan isu kleptokrasi yang berpunca daripada ketamakan beberapa individu melibatkan skandal mega seperti 1MDB, FELDA, MARA, SRC International, Jabatan Air Sabah dan Tabung Haji. Skandal ini telah menyaksikan Malaysia kehilangan berbilion malah trilion ringgit. Apa yang mengecewakan, syarikat dana pelaburan milik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB), yang sepatutnya menarik pelaburan asing, sebaliknya telah membawa kerugian berbilion Ringgit.

Ekoran penyembunyian banyak maklumat daripada pengetahuan umum, skandal mega seperti 1MDB ini hanya berjaya dikesan setelah siasatan semula secara terperinci dilakukan. Proses siasatan semula yang dilakukan ini jelas mendapat wujudnya elemen rasuah peringkat tertinggi dan salah urus dana berjumlah jutaan ringgit pada skala yang besar sehingga terlalu kompleks untuk dihadam oleh pemikiran umum. Apa yang jelas, skandal mega ini telah secara sistematis menghakis keyakinan umum terhadap ketelusan dan kredibiliti institusi di Malaysia.





## **ANTARA ISU UTAMA YANG DIHADAPI OLEH MALAYSIA DALAM MEMERANGI RASUAH IALAH:**

### **Campur Tangan Ahli Politik dalam Pentadbiran dan Kewangan Kerajaan**

Kebanyakan ahli politik dilihat mencampuri dalam urusan pentadbiran di mana keuntungan peribadi dapat dicapai walaupun dengan membelakangi undang-undang dan peraturan. Campur tangan ini biasanya berlaku dalam proses membuat keputusan terutamanya yang melibatkan perolehan, proses perlantikan kerja dan sistem perundangan. Menurut SPRM, sejak tahun 2012 sehingga 2014, sejumlah besar kes yang direkodkan adalah dalam sektor pembinaan yang melibatkan perolehan contohnya rundingan dengan orang tengah.

### **Kurangnya Kepimpinan dan Kemahuan Politik**

Kurangannya sokongan, komitmen serta kemahuan dikalangan kepimpinan politik untuk melaksanakan kawalan antirasuah telah memberi kesan kepada kemampunan dan keberkesanannya inisiatif antirasuah yang dijalankan setakat ini. Kebanyakan, jika tidak semua, inisiatif pencegahan rasuah lambat, perlahan atau tidak popular untuk dilaksanakan. Antara inisiatif (seperti yang diumumkan oleh pentadbiran terdahulu) yang masih tertangguh:


- Ketelusan dalam pengisytiharan aset dan dasar pengurusan hadiah oleh Ahli Pentadbiran (termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri);
- Pengenalan Peruntukan Salah Laku Penjawat Awam;
- Penubuhan agensi bebas dalam menguruskan aset yang dirampas dan dilucutrah;
- Garis Panduan yang betul mengenai pelobi; dan
- Penandaan kuasa antara Menteri dan Ketua Setiausaha.

### **Badan Perundangan dan Badan Penguatkuasaan Yang Bebas**

Institusi perundangan dan agensi penguat kuasa perlu diperkuatkan dan diubah menjadi badan bebas dengan kuasa penuh untuk melaksanakan fungsinya. SPRM, contohnya, seharusnya boleh melaksanakan fungsinya secara bebas dan berkesan tanpa gangguan bersifat politik. Campur tangan politik dalam skandal 1MDB dan Pihak Berkua Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menjadi antara penghalang terbesar kepada SPRM dan Jabatan Peguam Negara antara tahun 2015 dan 2016 dalam melaksanakan fungsi mereka. Campur tangan politik telah mencetuskan kecelaruan pentadbiran yang membawa kepada penukaran pegawai Pengurusan Tertinggi SPRM. Isu ini telah dilaporkan oleh Bertelsmann Foundation dalam Bertelsmann Stiftung Transformation Index (BTI) 2018 dan (CPI) pada tahun 2017.

### **Hukuman Yang Ringan Kepada Pesalah Rasuah**

Hukuman sedia ada bagi sebarang kesalahan berkaitan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) adalah hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun manakala, Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada 20 tahun. Berbanding kedua-dua Akta berkenaan, Akta SPRM 2009 (Akta 694) tidak memperuntukkan sebarang hukuman penjara minimum kepada pesalah dan ia boleh ditafsirkan bahawa pesalah rasuah tidak akan menerima sebarang hukuman penjara minimum. Akibatnya, Akta 694 akan dilihat tidak kuat dan lapuk serta perlu dipinda.



## Kesan kepada Kestabilan Ekonomi

Penularan rasuah dalam politik dan Kerajaan telah mengakibatkan berlakunya peningkatan ketidaksamaan pendapatan, kekayaan dan peluang. Kesan sebenar akibat rasuah kepada masyarakat termasuk kenaikan kos sara hidup, kejatuhan kuasa beli, ketidakseimbangan kuasa, kesan ke atas upah, kesan ke atas pertumbuhan, dan peningkatan jenayah. Keadaan menjadi bertambah buruk dengan peningkatan hutang awam dan ketirisan disebabkan oleh salah urus pengurusan dana awam.

## Kurangnya Pemantauan dan Penguatkuasaan

Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia mempunyai perundungan yang mencukupi. Malangnya penguatkuasaannya tidak seperti yang diharapkan. Hakikatnya pemantauan dan penguatkuasaan adalah penting untuk memastikan bahawa semua proses dan prosedur dipatuhi seperti yang diperuntukkan oleh kerangka perundungan sedia ada. Agensi-agensi Kerajaan pada umumnya

sering kekurangan keupayaan untuk memeriksa, mengaudit dan mengkaji semula operasi dalam menjalankan aktivitinya. Antara sebab mengapa usaha pemantauan dan penguatkuasaan gagal adalah disebabkan oleh kekurangan sumber tenaga kerja, kemahiran, teknologi, kaedah dan sumber kewangan.

## Penggunaan Teknologi yang Terhad dalam Memerangi Rasuah

Dalam memerangi rasuah, perkembangan teknologi perlu diberi pertimbangan oleh Kerajaan dalam memastikan isu keperluan strategik teknologi diberi penekanan untuk meningkatkan integriti, kebertanggungjawaban dan ketelusan Kerajaan; khususnya dalam bidang penguatkuasaan, perolehan, pelesenan dan perkhidmatan. Penerapan teknologi akan membawa imej positif kepada agensi Kerajaan dalam penyampaian perkhidmatannya. Integrasi digital sama ada sesama jabatan Kerajaan atau antara agensi Kerajaan kini adalah terhad. Oleh itu, penggunaan teknologi moden penting untuk membendung rasuah masih diperingkat awal.



Memandangkan teknologi menjadi sebahagian daripada ekosistem, keupayaan dan kemahiran kumpulan rakyat perlu diperkuuh untuk merebut peluang yang muncul daripada penggunaan teknologi. Namun, dengan peningkatan hubungan, risiko baru akan muncul sama ada dari dalam atau luar seperti ancaman siber.

### Kurangnya Sokongan Awam dan Keyakinan

Kepercayaan awam banyak bergantung kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam operasi Kerajaan. Rasuah mengakis sokongan orang ramai justeru membantutkan keupayaan Kerajaan untuk memenuhi tugas utamanya untuk menyediakan perkhidmatan dan pembangunan yang kondusif. Walaupun kebanyakan jabatan penguatkuasaan undang-undang cuba melaksanakan tugas mereka dengan cara yang terbaik, kredibiliti agensi penguatkuasaan ini sering dipersoalkan. Bukti yang dilaporkan oleh *Global Corruption Barometer* 2017, agensi penguatkuasaan undang-undang khususnya polis sering dilihat umum sebagai agensi penguatkuasa yang banyak terlibat dengan rasuah.

### Ancaman kepada Keselamatan dan Kedaulatan Negara

Kedudukan geografi Malaysia dengan pantai yang panjang dan berkongsi sempadan darat dan maritim dengan beberapa negara asing mendedahkan negara kepada ancaman luar. Ini kerana pintu masuk di sempadan negara sering menjadi sasaran aktiviti rentas sempadan lebih-lebih lagi dalam situasi di mana kawalan sempadan adalah longgar dan sering dikaitkan dengan tahap integriti yang lemah dikalangan pegawai. Dengan kemerosotan penguatkuasaan, jenayah rentas sempadan seperti terrorisme dan jenayah terancang menjadi berleluasa sekaligus mengancam keselamatan nasional serta kedaulatan negara. Malaysia dilaporkan

mengalami kerugian berbilion ringgit setiap tahun kerana daripada aktiviti rentas sempadan haram. Sementara itu, isu pendatang haram bukan hanya memberi kesan kepada isu pekerjaan dalam negara yang turut memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Lebih dari itu, ia memberi kesan kepada isu kesihatan dan sosial yang seterusnya mempunyai implikasi terhadap kemaslahatan masyarakat.

**Rasuah telah melangkaui penyalahgunaan kuasa oleh penjawat awam sehingga meresap jauh ke dalam susuk moral dan sosial masyarakat keseluruhannya**



# Penilaian Risiko

**Pelbagai data telah diperoleh sepanjang proses penilaian risiko. Data tersebut adalah seperti berikut:**

**Penilaian dan Semakan oleh Kumpulan Semakan Pakar** UNCAC melalui kitaran pertama dan kedua Konvensyen Semakan Pelaksanaan PBB mengenai Rasuah (UNCAC):

**Model Strategi Antirasuah Global** seperti Strategi Antirasuah United Kingdom 2017-2022, Strategi Antirasuah Kebangsaan Georgia 2010, Strategi Antirasuah Kebangsaan Bhutan 2014-2018, Pelan Strategi dan Pelan Tindakan Antirasuah Namibia 2016-2019, Strategi Antirasuah Kebangsaan Sierra Leone 2014-2018 dan Pelan Pencegahan Rasuah Nigeria 2015-2016 diperoleh daripada Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC);

**Kaji Selidik Rasuah** seperti Indeks Persepsi Rasuah (CPI), Barometer Rasuah Global (GCB), Bertelsmann Stiftung Transformation Index (BTI) - Laporan tentang Malaysia, Suruhanjaya Perusahaan Malaysia 2015, Indeks Antirasuah Pertahanan, Indeks Kedaulatan Undang-undang oleh Projek Keadilan Dunia (WJP), Kajian Ekonomi OECD (Malaysia) dan Kajian Jenayah Ekonomi Global (Malaysia);


**Data yang dikumpulkan dari Pelbagai Agensi Kerajaan** seperti data dari SPRM yang meliputi statistik serta analisis sistem dan prosedur, Laporan Ketua Audit Negara dari Jabatan Audit Negara dan data aduan awam dari Biro Pengaduan Awam;

**Input daripada mereka yang berkepentingan dan orang awam** menerusi sesi pertemuan dengan 26 Ketua Setiausaha Kementerian serta Ketua Jabatan, Laporan daripada Jawatankuasa

Pembaharuan Institusi (IRC), Manifesto Kerajaan dan Bengkel Perancangan Senario;

**Cadangan daripada Entiti** lain seperti Kad Skor Tadbir Korporat ASEAN - Bank Pembangunan Asia, Stiftung Transformation Index (BTI) - Laporan tentang Malaysia, Laporan Integriti Perniagaan peringkat nasional (BICA), Tinjauan Perusahaan Malaysia, Kebebasan Akhbar, Kajian Persaingan Global, Laporan Amalan Hak Asasi Manusia, Laporan Jurnal Wall Street dan Transparency International Malaysia (TI-M).



Setiap isu yang timbul daripada sumber di atas telah diperincikan lagi menjadi pelbagai bidang yang cenderung terhadap gejala rasuah. Data pelbagai bidang ini kemudian dianalisa berdasarkan nilai kekerapan untuk tempoh lima tahun (2013-2018) dan impaknya terhadap ekonomi, kesejahteraan rakyat dan Kerajaan.






# SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH: 2013-2018

(Aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [SPRM])



Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



# Bidang-Bidang Berisiko

## 01. TADBIR URUS POLITIK

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), dalam kertas polisi tahun 1997, mentakrifkan tadbir urus sebagai “pelaksanaan kuasa ekonomi, politik dan pentadbiran untuk mengurus hal ehwal negara di semua peringkat. Ia terdiri daripada mekanisme, proses dan institusi yang mana melaluiinya rakyat serta kumpulan masyarakat menyuarakan kepentingan mereka, menjalankan hak undang-undang mereka, memenuhi kewajipan mereka, dan memurnikan perbezaan antara mereka”. Dalam istilah mudah, tadbir urus politik bermaksud penggunaan kuasa atau autoriti oleh pemimpin untuk kesejahteraan negara. Hal ini boleh disimpulkan sebagai seni memerintah negara oleh ahli politik. Struktur tadbir urus politik yang baik bergantung kepada institusi negara yang telus dan berkesan.

## 02. PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Sektor awam mencakupi pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah kawalan Kerajaan. Penyampaian perkhidmatan awam dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej negara. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras Kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan, hasil dasar dan nilai cukai. Adalah perlu untuk mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan sektor awam demi meningkatkan kebertanggungjawabannya.

## 03. PEROLEHAN AWAM

Mengikut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), perolehan awam merujuk kepada pembelian barang, perkhidmatan dan kerja oleh Kerajaan dan perusahaan milik awam. Oleh kerana perolehan awam melibatkan sejumlah besar wang pembayar cukai, Kerajaan perlu melaksanakannya dengan cekap agar kepentingan awam dilindungi. Perolehan merupakan salah satu bidang dalam Kerajaan yang paling terdedah kepada rasuah dan pelbagai kegiatan haram.



## 04. PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

Perundangan bermaksud sistem undang-undang yang mentadbir negara sementara kehakiman merujuk secara khusus kepada pentadbiran keadilan, berdasarkan undang-undang sedia ada. Untuk meningkatkan keberkesanan sistem keadilan, adalah penting untuk membuat pembaharuan terhadap beberapa undang-undang sedia ada seperti mengesyorkan dan memperkenalkan perubahan tertentu. Pembaharuan mesti memasukkan prinsip pemisahan kuasa dan menamatkan campur tangan pihak luar seterusnya meningkatkan keyakinan serta rasa hormat pihak awam. Proses pembaharuan undang-undang harus direka dengan lebih baik untuk memenuhi keperluan masyarakat. Pindaan undang-undang perlu dilakukan dengan betul bagi melindungi kepentingan masyarakat dan mewujudkan keadilan untuk semua.

## 05. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan undang-undang merujuk kepada sistem yang telah disusun untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan dan norma-norma yang mengawal masyarakat. Agensi penguatkuasaan undang-undang amat komited dalam mengenal pasti penyelesaian dan melaksanakan tindakan untuk mengurangkan kadar jenayah demi kesejahteraan rakyat. Kebanyakan agensi penguatkuasaan undang-undang di Malaysia sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campur tangan oleh pihak Eksekutif, kurangnya kebebasan dan integriti dalam pentadbiran yang akhirnya mendedahkan mereka kepada rasuah. Penguatkuasaan undang-undang dengan itu harus dikaji semula bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang.

## 06. TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir urus korporat secara umum merujuk kepada sistem peraturan, amalan dan proses tentang bagaimana sebuah organisasi korporat diteraju serta dikawal. Menurut prinsip tadbir urus yang baik oleh OECD, tadbir urus korporat yang baik dapat membantu memastikan syarikat menggunakan modal dengan cekap dan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak di mana mereka beroperasi. Dengan menjadikan syarikat bertanggungjawab kepada pemegang taruh dan bukan hanya kepada pemegang saham, syarikat secara tuntasnya beroperasi demi kepentingan masyarakat secara keseluruhannya. Di akhirnya, keyakinan para pelabur baik dalam mahupun luar negeri dapat dipertahankan lantas menarik lebih banyak modal jangka panjang.



# **BAB 2**

## Senario Masa Hadapan


# MENGHUBUNGKAN HARI INI DENGAN MASA HADAPAN

Adalah penting untuk Kerajaan sedar akan perubahan semasa dan kesannya apabila melakukan intervensi penggubalan dasar. Kerajaan yang cekap haruslah mengambil kira perubahan semasa dan impaknya kepada masa hadapan. Perubahan konteks sosial menjadi pamacu utama kepada Kerajaan untuk menilai semula pendekatan dalam membina dan melaksanakan sesuatu dasar bersama-sama pemegang taruh.

Dunia pada tahun 2030 semestinya berbeza dengan keadaan sekarang. Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR) mencetuskan trend mega (mega trend) hasil daripada kerancakan kemajuan teknologi disruptif. Justeru, dalam membayangkan beberapa senario antirasuah pada tahun 2030, beberapa trend yang memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada penggubalan suatu kerangka dasar telah dikenalpasti.

Berikut merupakan beberapa trend global semasa yang dikenalpasti bakal memberi kesan besar kepada urus tadbir dan usaha membanteras rasuah:

# TREND DAN IMPAK KEPADA USAHA ANTIRASUAH



## Pendigitalan (Digitalisation)

Pendigitalan secara meluas dalam pemodenan penyampaian perkhidmatan awam telah mengurangkan interaksi bersemuka antara orang awam dan penjawat awam. Penggunaan kad pengenalan elektronik beserta ciri keselamatan biometrik, dan pengagihan khidmat sosial adalah antara contoh bagaimana teknologi menjadikan sistem mempunyai kebolehcapaian, telus dan dipertanggungjawabkan. Pendigitalan ini membolehkan transaksi yang lebih selamat, koordinasi yang lebih baik, hebatnya tentang inisiatif antiratasuah menjadi lebih berkesan, serta perkongsian maklumat lebih meluas.



## Penyahpusatan (Decentralisation)

Kemajuan teknologi turut dapat merapatkan lagi hubungan usahasama antara Kerajaan dan orang awam. Kewujudan proses kebersamaan (*co-creation processes*) membolehkan Kerajaan selaku penggubal dasar bersama-sama dengan orang awam membentuk prototaip seterusnya memastikan sesuatu dasar dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Selain itu, penyahpusatan mengurangkan kuasa hegemoni lantaran kuasa teragih kepada rangkaian dan gabungan kecil dalam dunia multipolar.



## Autonomi dan salinghubungan-hiper (Autonomous and Hyper-connected)

Automasi sesuatu proses dapat menjmatakan kos. Contohnya, penggunaan kecerdasan buatan (*artificial intelligence- AI*) dalam sesebuah aplikasi atas talian dapat meghubungkan terus antara pengeluar dengan pengguna. Kesannya adalah kurangnya keperluan kepada penglibatan manusia dalam proses membuat dasar. Justeru, dalam konteks tadbir urus masa hadapan, kesan daripada salinghubungan-hiper ini bakal menyebabkan pemencilan antara jabatan atau kementerian tidak lagi wujud. Tuntasnya, walaupun negara (*state*) kekal sebagai entiti dominan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, pendekatan dan penggubalan sesebuah dasar akan berubah kesan daripada jaringan hubungan yang semakin meluas.



## Sempadan yang kabur (Blurring of Boundaries)

Dalam menangani desakan dan usaha mengurangkan perbelanjaan awam, kerjasama perkongsian sektor awam-swasta (*public-private partnerships - PPPs*) yang berterusan lama kelamaan akan memberi kesan kepada sektor awam. Kerjasama perkongsian ini awalnya dilihat sebagai cara untuk penjmataan kos pembangunan infrastruktur. Namun, dengan kewujudan dan penglibatan sektor ketiga (keusahawanan) dalam kerjasama ini, Kerajaan perlu lebih terbuka dan tangkas merencana tadbir urus jenteranya ke arah pentadbiran yang lebih telus dan bertanggungjawab.



## Kolaboratif (Collaborative)

Platform media sosial haruslah dimanfaatkan penggunaannya untuk menggalakkan interaksi antara Kerajaan dan orang awam dan menggalakkan lebih banyak usahasama. Pengguna media sosial, sama ada pihak Kerajaan mahupun orang awam dapat berkomunikasi dan berkolaborasi secara efektif dalam pelbagai inisiatif. Kesannya, suara orang awam dapat didengari dan diambilkira dalam perancangan pembangunan nasional.



## Penyesuaian Mengikut Keperluan (Customisation)

Penyesuaian mengikut keperluan dapat direalisasikan dengan penggunaan Analitis Data Raya (*Big Data Analytics*). Antara kesannya ialah kaedah transaksi dan perolehan yang lebih tepat, keperluan sosial dapat segera dipenuhi, dan penerimaan maklumbalas yang lebih pantas hasil daripada pemprofilan lengkap pemegang taruh dalam sektor tertentu. Seterusnya, strategi dan intervensi yang lebih spesifik dan berkesan dapat dirangka untuk membanteras rasuah.

# TEKNOLOGI DALAM INISIATIF ANTIRASUAH

Kecanggihan teknologi membolehkan pelbagai masalah sosial ditangani, termasuklah rasuah. Pada hari ini, pelbagai usaha dan kajian dijalankan oleh banyak pihak, Kerajaan mahupun orang ramai, untuk mencari mekanisme terbaik membanteras rasuah dengan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini. Hal ini termasuklah dalam bidang pengesanan, pencegahan dan analisis. Antara kemajuan teknologi yang dapat membantu usaha pembanterasan rasuah adalah seperti berikut:

## Cegah Rintang Rasuah

Pengaduan melalui sumber khalayak, proses dan mekanisme yang telus serta perkongsian maklumat mampu merencatkan amalan rasuah

## Proses Automasi

Proses automasi perolehan dan pembayaran dapat melancarkan transaksi dan memastikan ketelusan sekaligus mengurangkan risiko rasuah

## Meraih Kepercayaan kepada Institusi

Organisasi yang menerapkan penggunaan teknologi terkini dan memastikan jejak audit yang selamat akan lebih dipercayai dan diyakini oleh pelanggan/ pengguna

## Perkongsian Maklumat

Teknologi bukan sahaja memudahkan capaian maklumat, malah menggalakkan ketelusan dan keterbukaan yang menyumbang kepada lapangan persaingan yang adil dan saksama kepada Kerajaan mahupun pasaran

## Pendigitalan Perkhidmatan Awam

Pendigitalan perkhidmatan awam juga dapat mengurangkan karenah birokrasi dan risiko rasuah serta menjimatkan kos


Meskipun begitu, kemajuan teknologi tidak terlepas daripada risiko penyalahgunaan. Ia boleh mengundang kepada rasuah dengan cara baharu sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 1. Contohnya, akses kepada maklumat akan membuka ruang kepada penggodaman data sulit dan peribadi dengan cara yang lebih sofistikated. Akibat daripada kecanggihan teknologi ini, perlakuan rasuah menjadi semakin kompleks dan rumit. Justeru, adalah penting untuk mengambilira pelbagai langkah untuk menangani pelbagai bentuk perlakuan rasuah yang mungkin berlaku sama ada atas talian mahupun luar talian dalam penyediaan strategi dan inisiatif anti rasuah.



## Data Raya (*Big Data*)

Data raya boleh diformulasi secara khusus untuk mengesan potensi berlakunya sogokan dan amalan rasuah. Penggunaan analitika data raya mampu mengenalpasti jika berlakunya kegiatan rasuah dalam sesebuah organisasi. Fungsi teknologi ini dapat dioptimumkan lagi dalam membanteras penipuan dan mencegah rasuah dengan penggunaan pemprosesan statistik (*statistical processing*) dan analitis ramalan (*predictive analytics*).

Gabungan kaedah perlombongan data serta visualisasi data dijangka dapat digunakan untuk kegiatan pemantauan jika ada berlakunya ketidakjujuran atau rasuah. Keupayaan teknologi data raya serta platform analitis dapat dikembangkan lagi kepada keupayaan analitis ramalan yang bertujuan mengaggalkan cubaan sebelum rasuah itu berlaku lagi. Analitis ramalan ini merujuk kepada keadaan di mana data yang berstruktur diteliti dan dianalisis satu persatu sebelum pola lazim dapat diplotkan. Sebarang aktiviti yang mengganggu pola lazim inilah yang akan menjadi petunjuk seterusnya amaran kepada pihak berkuasa tentang kegiatan mencurigakan yang akan/sedang berlaku.



## Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence - AI*)

Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence-AI*) membuka peluang kepada pemantauan dan penilaian ke atas aktiviti penipuan dan rasuah yang rumit seperti sistem perbankan dan perindustrian. AI berupaya menganalisis sifat dan perilaku transaksi secara berterusan dan meneliti sebarang aktiviti yang mencurigakan berpandukan kepada rujukan latar belakang data. Perbezaan utama antara AI dan analitis ramalan adalah AI merupakan platform yang lebih berdaya tahan dengan ciri tambahan yang baharu. Analisis tingkah laku dan pengecaman wajah merupakan dua lapangan baharu yang menjadikan AI sebagai teknologi asas dalam usaha pencegahan rasuah.

Pengecaman wajah sesuai digunakan secara meluas untuk memperketat keselamatan transaksi di mana hanya individu tertentu sahaja diberi autoriti untuk mengakses sesuatu maklumat. Seterusnya, pada tahap yang lebih tinggi, analisis tingkah laku dijangka mampu mentafsir kewujudan aktiviti mencurigakan yang meramalkan keberangkalian berlakunya perbuatan rasuah. Penggunaan teknologi ini pasti mampu mencegah amalan rasuah di peringkat awal lagi.



## Rantaian Blok & Teknologi Lejar Teragih (*Blockchain & Distributed Ledger Technologies (DLT)*)

Rantaian Blok berpotensi digunakan sebagai alat untuk membanteras rasuah dan penipuan apabila iaanya diterimakan secara global. Teknologi ini menitikberatkan kesepakatan pelbagai mekanisme yang terangkai bersama, di mana setiap pihak dalam rantaian tersebut secara konsensus mengesahkan sesuatu transaksi. Ini bermakna rekod lejar setiap aktiviti dalam keseluruhan rantaian transaksi tersebut tidak boleh diubah atau ditiru.

Rantaian Blok juga sesuai sebagai mekanisme perakaunan yang akan merekod jejak fizikal dan digital sesuatu transaksi seperti aktiviti sepanjang rantaian bekalan (*supply chain*), pemindahan data (*data transfer*), aktiviti kewangan dan lain-lain lagi. Penggunaan Rantaian Blok dalam Kerajaan kini semakin mendapat perhatian, terutamanya di Asia. Antara potensi aplikasi teknologi ini adalah dalam pilihan raya, pendigitalan sistem pengenalan diri serta sistem percukaian.

# **SENARIO ANTIRASUAH TAHUN 2030**

**S1**

**SENARIO KESINAMBUNGAN  
(CONTINUATION)**

**S2**

**SENARIO KEKANGAN  
(LIMITS AND DISCIPLINED)**

**S3**

**SENARIO PERKEMBANGAN  
(GROWTH)**

**S4**

**SENARIO MERUDUM  
(DECLINE AND COLLAPSE)**

Penggunaan perancangan senario penting sebagai:

- alat untuk mengenalpasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan model-model dan data-data lampau
- instrumen pengurusan risiko yang penting
- indikator amaran terhadap keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko – sebagai alat penilaian untuk menggariskan strategi-strategi intervensi

Senario berikut mewakili masa depan-masa depan yang berkemungkinan berlaku pasca pelancaran NACP.

## **SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)**

Masa hadapan yang memperkenankan kejayaan yang dikehendaki melalui kewujudan NACP tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mapan

## **SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)**

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam NACP tidak dapat dicapai akibat 'kekangan' dalam dan persekitaran

## **SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)**

Masa hadapan di mana hasil kewujudan NACP telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai

## **SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)**

Rasuh menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian

Matrik senario berikut mewakili input kolektif yang diperolehi daripada peserta semasa bengkel perancangan senario.

# S1

## SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

### TADBIR URUS POLITIK

Kurang campurtangan pemimpin politik dalam proses membuat keputusan; suara belia dan rakyat didengari dan ditangani. Walau bagaimanapun masih terdapat tuduhan rasuah berskala besar yang melibatkan pemimpin.

### PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Melalui penggunaan teknologi maklumat sebagai platform dan mekanisma tadbir urus, Kerajaan lebih responsif dan mutu perkhidmatan meningkat. Rasuah masih wujud disebabkan konflik kepentingan. Rasuah masih dianggap sebagai isu teknikal berbanding isu insan.

### PEROLEHAN AWAM

Penglibatan manusia dapat dikurangkan melalui kemajuan dan penggunaan teknologi dalam proses perolehan. Walau bagaimanapun, ketelusan merosot dalam bidang tertentu; masih terdapat tender boleh dirundingkan walaupun amalan tender terbaik dikuatkuasa, manakala mekanisma semak dan imbang yang telah dikenalpasti tetapi hanya untuk projek terpilih. Peranan orang tengah masih wujud proses dan sistem perolehan.

# S2

## SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)

Kewujudan pertikaian dalaman parti-parti politik serta antara parti politik menyebabkan tindakan pencegahan rasuah hanya bersifat sementara dan membantutkan pelaksanaan agenda reformasi NACP.

Tadbir urus yang baik berlaku tetapi terlalu bergantung kepada personaliti individu untuk memacu kejayaannya. Namun, dalam jangka panjang, rasuah masih berlaku disebabkan usaha yang tidak terangkum.

Pembangunan dan penggunaan teknologi untuk membanteras rasuah dalam perolehan awam. Teknologi turut meningkatkan ketelusan dalam pemantauan dan pencegahan amalan rasuah.

## MATRIK SENARIO: SENARIO ANTIRASUAH 2030

# S3

## SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

Kementerian dan Ahli Parlimen mengamalkan integriti yang tinggi dan menjunjung kod etika serta nilai dan budaya integriti dalam masyarakat.

Sistem tadbir urus awam melibatkan penyertaan aktif masyarakat, penggunaan teknologi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta pengamalan ketelusan dalam membuat keputusan.

Kerangka tadbir urus yang kukuh dan padu yang mengehadkan kuasa Menteri, pegawai Kerajaan dan pentadbiran.

# S4

## SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

Salahguna kuasa dikalangan pemimpin semakin berleluasa dan tidak terkawal. Ekoran itu, pengaruh ahli politik menjadi semakin dominan. Agenda reformasi yang dijanjikan hilang momennynya apabila masyarakat sivil dan perkhidmatan awam tidak lagi seiringan. Pemegang taruh tidak memberikan komitmen kepada reformasi institusi disebabkan kengganan masyarakat untuk menyokong usaha antirasuah.

Amalan tadbir urus menjadi eksklusif. Karenah birokrasi serta campurtangan politik menjadi sebati dalam penyampaian Perkhidmatan Awam justeru mempengaruhi pembuatan keputusan. Ini telah mengakibatkan berlakunya ketidakpatuhan, ketiadaan kawalan dalam serta kegagalan prosedur pentadbiran.

Penyalahgunaan kuasa oleh ahli politik yang memegang kuasa perolehan menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal. Saluran pengaduan menjadi tidak lagi berkesan dan capaian kepada perundungan awam juga tidak wujud. Platform teknologi dimanipulasi oleh pihak dalaman.

## PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan undang-undang berlaku secara terpilih dan hukuman mahkamah tidak konsisten. Terdapat golongan kaya yang mampu untuk membayar denda untuk melepaskan diri dari hukuman berat manakala yang kurang berkemampuan dipenjara.

## UNDANG-UNDANG DAN KEHAKIMAN

Wujud mereka yang teraniaya dan terlepas daripada pertuduhan disebabkan kelemahan sistem perundangan. Kebanyakkan undang-undang hanya berdasarkan "atas kertas" tanpa sebarang tindakan. Pemberi maklumat masih tidak dilindungi manakala hukuman tidak setimpal dengan kesalahan yang disabitkan.

## TADBIR URUS KORPORAT

Sistem tadbir urus hanya menangani masalah ekonomi dan masih dalam peralihan daripada manusia berorientasikan ekonomi kepada manusia beramanah.

Kejadian jenayah semakin berleluasa dengan bentuk rasuah yang baharu yang turut melibatkan alam siber. Penguatkuasaan menjadi semakin sukar kerana penjenayah berada selangkah di hadapan berbanding penguatkuasa.

Kerangka perundangan yang komprehensif wujud namun pelaksanaannya lemah khususnya untuk jangka masa sederhana dan panjang. Sistem kehakiman berfungsi dengan cekap dengan adanya penyelesaian kes tertunggak dalam tempoh yang singkat.

Aspirasi dan perancangan besar, tetapi pencapaiannya kecil disebabkan kekangan pelaksanaan dan kurang kesungguhan individu. Pengwujudan sistem tadbir urus yang kukuh telah membentuk mekanisme semak dan imbang dalam entiti awam dan swasta. Walau bagaimanapun hanya segelintir sektor yang berjaya disebabkan kebanyakan aktor masih lagi terlibat dalam amalan rasuah.

Sistem perundangan yang bebas dan berkesan.

Sistem pengesahan antirasuah yang mantap melalui penggunaan teknologi yang membantu ketelusan. Penggunaan teknologi Rantai Blok (Blockchain), pengurusan risiko rasuah, dan pemantauan kendiri dilaksanakan.

Persekutuan perniagaan yang menjunjung kepada pematuhan undang-undang dan peraturan. Hal ini, mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, saksama dan telus seterusnya menarik pelaburan tempatan dan asing.

Insititusi penguatkuasaan runtuh dan tidak lagi berfungsi disebabkan campur tangan politik dalam pembuatan keputusan oleh agensi penguatkuasaan.

Kerangka perundangan untuk membanteras rasuah tidak lagi relevan. Sistem perundangan masih dibelenggu oleh isu dasar yang berkait dengan sistem kehakiman yang bebas dan adil.

Rasuah berlaku pada setiap peringkat dalam ekosistem, di peringkat tertinggi hingga paling bawah dan berakar umbi di kalangan awam dan swasta hingga mengakibatkan kehilangan keyakinan terhadap integriti ekonomi negara.



## SESI KETERLIBATAN PEMEGANG TARUH



BERDASARKAN SENARIO ANTIRASUAH 2030 YANG DIBANGUNKAN, BERIKUT ADALAH

# Gambaran Umum Matlamat Dan Kebimbangan Bersama

## MATLAMAT BERSAMA

Matlamat bersama mewakili nilai dan prinsip bersama yang memberi cerminan ke atas idea yang diteroka secara bersama dan diutamakan semasa membangunkan scenario tersebut. Scenario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Ia memerlukan komitmen jitu dan kolektif daripada pemegang taruh serta Kerajaan secara kolektif.

- Kejayaan dalam pembaharuan tadbir urus khususnya berkaitan proses dan struktur
- Usaha pemberantasan rasuah yang mampan dan berterusan
- Pemeriksaan organisasi serta bebas dalam usaha membanteras rasuah
- Kerjasama yang lebih erat di kalangan agensi penguatkuasaan serta penyelarasian yang lebih teratur
- Pemupukan nilai dan integriti melalui pendidikan di pelbagai peringkat
- Peranan teknologi dalam meningkatkan ketelusan dan mengekang rasuah

## KEBIMBANGAN BERSAMA

Kebimbangan bersama mencakupi ancaman dan risiko yang diterjemahkan melalui empat senario yang dibangunkan. Sekiranya amalan rasuah tidak ditangani, masa hadapan bakal suram.

- Rasuah berakar umbi, menjadi kebiasaan dan sebahagian daripada budaya
- Usaha pembaharuan tidak mampan dan tidak dikawalselia
- Usaha dan agenda antirasuah dipandang remeh oleh pihak berkepentingan
- Tadbir urus baik dipersendakan
- Pemantauan dan penguatkuasaan dilihat tidak berkesan kerana tadbir urus yang lemah
- Pembuatan keputusan yang mengelirukan khususnya berkaitan isu dasar utama
- Ancaman terhadap privasi dan hak asas

**S1** SENARIO KESINAMBUNGAN  
(CONTINUATION)

**S2** SENARIO KEKANGAN  
(LIMITS AND DISCIPLINED)

**S3** SENARIO PERKEMBANGAN  
(GROWTH)

**S4** SENARIO MERUDUM  
(DECLINE AND COLLAPSE)

## PELUANG YANG ADA

Beberapa peluang yang mampu memperkuuh inisiatif antirasuah telah dikenalpasti melalui senario yang dibangunkan.

Berikut adalah peluang yang telah dikenalpasti: (tanpa mengikut keutamaan)

**Penilaian risiko dan profil pada projek kerajaan.**  
Ini meliputi pelbagai mekanisme yang boleh digunakan oleh organisasi untuk menjangka kebarangkalian rasuah berlaku baik secara dalaman maupun luaran serta kesannya.

**Membangunkan indeks penilaian integriti** untuk perkhidmatan awam dan perniagaan dalam mentafsir keupayaan organisasi mengawal rasuah serta memastikan semua sumber awam dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus.

**Penggunaan Sistem Pengurusan Antirasuah dan/ atau Sistem Pengurusan Risiko Rasuah.** Pelaksanaan secara efektif sistem antisogokan dan piawaian berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan. Justeru, hal ini akan meyakinkan pemegang taruh bahawa amalan baik berkaitan kawalan antisogokan yang mendapat pengiktirafan antarabangsa telah dilaksanakan.

**Reformasi tadbir urus.** Dasar dan amalan baik dalam institusi utama sektor awam menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mapan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan awam terhadap institusi Kerajaan.

**Penggunaan sistem berdasarkan teknologi untuk tujuan analisis perolehan.** Penggunaan teknologi terkini dalam amalan perolehan akan dapat mengoptimumkan proses serta capaian strategik. Teknologi secara berterusan akan memacu penambahbaikan proses, maklumat dan pemahaman yang akhirnya membawa kepada penjimatan.

**Memaksimakan penglibatan warga** untuk memastikan inklusiviti melalui penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah (melalui perundangan dan imuniti) yang melibatkan; i) ahli akademik ii) agamawan iii) masyarakat sivil iv) komuniti perniagaan

**Sistem Pendidikan menyeluruh** yang memupuk tadbir urus insan (*human governance*) yang dibangunkan melalui kurikulum pendidikan kebangsaan berpaksikan Tadbir Urus Insan (*human governance*) dan Program Kepimpinan Berterusan.

**S1** SENARIO KESINAMBUNGAN  
(CONTINUATION)

**S2** SENARIO KEKANGAN  
(LIMITS AND DISCIPLINED)

**S3** SENARIO PERKEMBANGAN  
(GROWTH)

**S4** SENARIO MERUDUM  
(DECLINE AND COLLAPSE)

## RISIKO YANG TERUNGKAI

Senario yang dibangunkan turut mengenalpasti risiko berikut:

**Data dan maklumat sebagai komoditi** yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.

**Kemerosotan peranan media digital, perubahan perisian dan perkakasan lapuk.** Pentadbiran kerajaan perlu lebih teliti dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan insiden kehilangan data yang akhirnya akan menyebabkan kerentenan pada sistem.

**Media yang prejudis** menyebarkan maklumat palsu dan mempengaruhi pendapat awam. Perkara ini terjadi apabila kewartawanan yang bersifat penyiasatan sudah tidak lagi wujud dalam media arus perdana. Wartawan

mula cenderung kepada bidang perhubungan awam dan menulis untuk memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

**Amalan rasuah diawal usia.** Amalan rasuah yang terjadi di kalangan generasi muda di peringkat sekolah. Pengesahan awal mampu mengawal fenomena ini.

**Peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mula dipersoal.** NGO memainkan peranan untuk memastikan kebertanggungjawaban dalam sesebuah masyarakat. Walaubagaimanapun, peranannya mula dipersoal akibat kelemahan dan kurangnya tadbir urus yang baik. NGO perlu bersedia untuk membangunkan piawaian yang diyakini dan diterima.

**Kewujudan ‘Little Napoleons’.** Istilah *Little Napoleons* tercipta lebih sedekad lalu untuk menggambarkan penjawat awam yang kurang membantu, sombang dan angkuh. Istilah ini boleh dianggap sebagai sindiran atau hinaan kerana *Napoleon* tidak memiliki ciri-ciri tersebut. Golongan ini boleh terus wujud walaupun dalam sebuah kerajaan yang telah melalui reformasi, melainkan tindakan tegas diambil untuk mengawalnya.



# Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian

Dengan membangunkan senario antirasuah pada masa hadapan, kewujudan “Angsa Hitam” dapat dikesan. Justeru, pembuat dasar dapat memberi lebih perhatian untuk menghadapinya.

**Amalan rasuah oleh syarikat gergasi sebagai cara mencapai matlamat perniagaan.** Ini boleh berlaku akibat kelemahan penguatkuasaan disamping ketiadaan kedaulatan undang-undang hingga menyebabkan penentuan kepimpinan tertinggi turut ditentukan oleh syarikat tersebut. Situasi ini mengakibatkan keputusan yang diambil dalam pentadbiran bertentangan dengan undang-undang, tidak rasional, tiada pertimbangan jitu serta tidak memenuhi prosedur yang adil.

**NACP dilihat hanya sebagai “show peacock”.** Metafora ini digunakan untuk menggambarkan tentang dasar yang tampak hebat tetapi tidak memberi impak. Pemegang taruh merasakan dasar yang diperkenalkan tidak mampu untuk bertahan dalam jangka masa panjang. Senario boleh berlaku ketika pertukaran kepimpinan atau pihak yang memperjuangkan agenda antirasuah nasional.

**Penglibatan tangan ghaib.** Tadbir urus yang baik bergantung kepada sistem semak dan imbang. Namun, tadbir urus yang baik ini sukar untuk direalisasikan akibat daripada pengaruh tangan ghaib dalam membuat keputusan. Lebih buruk lagi, dengan ketiadaan mekanisme mengawal pengaruh tangan ghaib, gejala ini akan berterusan.

**Jangkaan ancaman terhadap etika, piawaian dan integriti** merujuk kepada ancaman sistemik yang mengugat nilai, etika dan komitmen tadbir urus perkhidmatan awam



# **BAB 3**

## Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah Nasional

# KEPERLUAN KEPADA KERANGKA NASIONAL

## Malaysia Melangkah Ke Hadapan

Tidak dinafikan, Malaysia perlu menangani gejala rasuah dengan segera dan mewujudkan sistem Kerajaan yang berintegriti tinggi demi kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat. Hal ini juga diperakui bahawa rasuah telah membawa banyak kepincangan. Amalan rasuah perlu dihapuskan sepenuhnya daripada sistem pentadbiran bagi mengembalikan kestabilan dan kepercayaan terhadap Kerajaan.

Ke arah itu, Kerajaan telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi nasional iaitu ke arah negara yang bebas rasuah selaras dengan aspirasi negara untuk dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan mewujudkan dan menzahirkan usaha pencegahan rasuah yang lestari di negara ini untuk tempoh lima tahun akan datang.

Kerajaan akan menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan NKRA – “Membanteras Rasuah”, dengan NACP yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan. NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan ketidakstabilan ekonomi negara.

NACP akan memacu ke arah peningkatan ketelusan, dengan menerapkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur di kedua-dua sektor awam dan swasta di negara ini. Pelan ini juga bertujuan menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan tahap ketelusan dan integriti Kerajaan sekaligus meningkatkan persepsi antarabangsa terhadap Malaysia.

Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenalpasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan dapatan kajian daripada pelbagai sumber serta sesi Perancangan Senario (*Scenario Planning*). Hasilnya, NACP menggariskan sebuah kerangka yang memayungi strategi yang menyeluruh dalam memerangi rasuah. Antara inisiatif yang dirangka termasuklah memastikan setiap pemegang taruh menangani permasalahan rasuah di organisasi masing-masing melalui pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

# 5As

## Garis Panduan Asas

Untuk memastikan pelaksanaan pelan strategik ini berjalan lancar dan berkesan, pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka Pelan yang terdiri daripada langkah-langkah Jangkaan (*Anticipation*), Advokasi (*Advocacy*), Persepakatan (*Alliance*), Tindakan (*Action*) dan Akreditasi (*Accreditation*).

### Jangkaan (*Anticipation*)

Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRA), yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini adalah penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi masing-masing.

### Advokasi (*Advocacy*)

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor, dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

### Persepakatan (*Alliance*)

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

### Tindakan (*Action*)


Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan. Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan undang-undang sedia ada.

### Akreditasi (*Accreditation*)

Memfokuskan kepada proses pemantauan dan penilaian (M&E) untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu / organisasi. Tujuan akreditasi bukan sekadar untuk memberi ganjaran, tetapi juga untuk memperbaiki dasar atau aktiviti semasa, serta menggalakkan orang lain berbuat perkara yang sama.

# Kerangka

## Pelan Antirasuah Nasional



Menegakkan  
Kedaulatan Undang-Undang

Akauntabiliti dan Kredibiliti  
Kehakiman, Pendakwaan  
dan Agensi Penguatkuasa  
Undang-undang



Tadbir Urus  
Politik



Sektor  
Pentadbiran Awam

Memperkuuh  
Akauntabiliti dan  
Integriti Politik

Memperkuuh  
Kecekapan  
Penyampaian  
Perkhidmatan Awam

# Ke Arah Negara Bebas Rasuah

Meningkatkan Kecekapan,  
Ketelusan dan Akauntabiliti  
Kerajaan Berasaskan  
Tadbir Urus Baik

Mewujudkan Persekuturan  
Perniagaan Yang Bersih

Kecekapan dan Responsif  
dalam Penyampaian Perkhidmatan

Integriti dalam  
Perniagaan



Mempertingkat  
Keberkesanan  
dan Ketelusan  
Perolehan awam

Mempertingkat  
Kredibiliti  
Sistem Perundangan  
dan Kehakiman

Menginstitusikan  
Kredibiliti Agensi  
Penguatkuasaan  
Undang-Undang

Memupuk Tadbir  
Urus Baik dalam  
Entiti Korporat

# PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023

6  
STRATEGI

17  
OBJEKTIF STRATEGIK

115  
INISIATIF

30  
JANGKA PENDEK Jan-Dis 2019

31  
JANGKA SEDERHANA Jan 2019-Dis 2020

54  
JANGKA PANJANG Jan 2019-Dis 2023

## MENGENAI KERANGKA PELAN

Kerangka ini secara umumnya menggariskan/mengenalpasti tiga misi penting yang akan menyumbang kepada keberkesanan usaha pembanterasan rasuah di negara ini melalui menegakkan kedaulatan undang-undang, penstrukturkan semula sistem perkhidmatan awam bagi memupuk konsep tadbir urus baik dan berintegriti dalam persekitaran perniagaan.

### ASPIRASI NASIONAL

**Malaysia Dikenali Kerana Integriti  
dan Bukannya Rasuah**

### VISI

#### Ke Arah Negara Bebas Rasuah

Rasuah ialah barah; ia bukan sahaja boleh menggugat keamanan negara malah juga merosakkan tunjang nilai masyarakat. Malangnya, perkara ini telah menjadi amalan biasa dan menjadi budaya dikalangan masyarakat khususnya dalam memperolehi sesuatu tanpa melalui aturan sepatutnya. Ia telah menjadi amalan yang diterima pakai dalam kehidupan tanpa menyedari ia boleh memusnahkan kesejahteraan diri dan negara. Andainya jenayah ini dapat dihapuskan daripada amalan hidup bermasyarakat, sudah pasti pembangunan dapat dikecapi dengan sempurna.

# MISI

## Menegakkan Kedaulatan Undang-Undang

Dalam memastikan konsep pemisahan kuasa yang berkesan dapat dilaksanakan dalam pentadbiran Kerajaan, pematuhan kedaulatan undang-undang adalah sangat penting. Konsep pemisahan kuasa ini perlu untuk memastikan pihak perundangan, pendakwaan dan agensi penguatkuasaan dapat melaksanakan fungsi dengan bebas dan adil berlandaskan undang-undang yang berkuatkuasa. Masyarakat dan Kerajaan juga hendaklah bertanggungjawab dan mematuhi serta tertakluk kepada setiap undang-undang yang berkuatkuasa. Sekiranya kedaulatan undang-undang tidak dihormati, tiada Kerajaan di dunia ini yang dapat ditadbir secara efektif malah negara akan musnah sekiranya undang-undang tidak dipatuhi dengan baik.

## Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Keber tanggungjawaban Kerajaan Berasaskan Tadbir Urus Baik

Matlamat pelaksanaan tadbir urus baik adalah untuk memastikan Kerajaan dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak rakyat berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan keber tanggungjawaban. Penambahbaikan berkenaan secara tidak langsung akan mengurangkan toh mahan dan ketidakpercayaan rakyat terhadap sistem pentadbiran Kerajaan semasa. Perubahan dalam tadbir urus hendaklah melibatkan semua lapisan pentadbiran Kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

## Mewujudkan Persekitaran Perniagaan Yang Bersih

Tadbir urus korporat yang baik dan bersih bukanlah satu-satunya penyelesaian kepada masalah rasuah dalam perniagaan tetapi ia perlu disertai dengan pengukuhan nilai teras dan komitmen yang tinggi bagi menyemai etika dan budaya berintegriti dalam organisasi, sekaligus mewujudkan persekitaran bebas rasuah dalam perniagaan. Tumpuan dan perhatian juga hendaklah tidak hanya tertumpu kepada persekitaran perniagaan yang bersih, tetapi perlu juga melihat kepada proses pelaksanaan perniagaan sama ada diperingkat nasional mahupun antarabangsa.


# MATLAMAT

Bagi mencapai Visi dan Misi seperti yang dinyatakan dalam NACP, Kerajaan telah mengenal pasti tiga matlamat berikut:

- i. Keber tanggungjawaban dan Kredibiliti Badan Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang:
  - a. meningkat daripada skor 0.54 (2017-2018) kepada skor 0.63 menjelang tahun 2023 dalam *World Justice Project Rule of Law Index*.
  - b. meningkat daripada 77% (2017) kepada 90% menjelang tahun 2023 dalam Kadar Sabitan Kesalahan Rasuah di Malaysia
- ii. Kecekapan dan Kesiagaan bertindak balas dalam Penyampaian Perkhidmatan Awam – dari kedudukan ke-7 (2018) kepada kedudukan ke-5 pada tahun 2023 dalam *Global Competitiveness Report*.
- iii. Integriti dalam Perniagaan - untuk kekal di kedudukan ke- 4 menjelang tahun 2023 dalam *Corporate Governance Watch – Asian Corporate Governance Association*.

# ANALISIS KE ATAS MAKLUMAT RASUAH DI MALAYSIA

Berdasarkan analisis terhadap lebih daripada 20,000 maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh SPRM sejak tahun 2013 hingga 2018, sebanyak sembilan punca rasuah telah dikenalpasti. Carta Pareto yang mewakili 80/20, memberi penjelasan bahawa lebih daripada 80% daripada aduan rasuah adalah berpunca daripada empat punca. Empat punca utama tersebut telah diambilkira dalam membangunkan strategi dan inisiatif Pelan ini.



## Empat Punca Utama Rasuah

**Kegagalan Pentadbiran  
(manipulasi terhadap sistem dan prosedur)**

**Konflik Kepentingan  
(kuasa budibicara, kuasa mutlak dan campur tangan politik)**

**Kelemahan Kawalan Dalaman dan Ketidakpatuhan**

**Kurang Ketelusan**

SUMBER: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

# ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 22 inisiatif yang dikenalpasti daripada 115 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 22 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 15 inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran A – impak tinggi dan kompleksiti rendah – memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada transformasi tadbir urus negara. Ringkasan 22 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:



## STRATEGI 1

Memperkuuh Akauntabiliti dan Integriti Politik

## STRATEGI 2

Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

## STRATEGI 3

Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

## STRATEGI 4

Mempertingkat Kredibiliti Sistem Perundangan dan Kehakiman

## STRATEGI 5

Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

## STRATEGI 6

Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat

**KOMPLEKSITI:** kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

**IMPAK:** kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

# KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 22 INISIATIF

Ringkasan berikut menunjukkan 22 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 115 keseluruhan yang telah dikenalpasti. Ia berdasarkan enam (6) strategi utama berkaitan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban sektor politik, pentadbiran awam, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, perundangan dan kehakiman, dan tadbir urus entiti korporat di Malaysia. 22 inisiatif ini dikenalpasti berdasarkan keperluan kesegeraan untuk menangani rasuah.

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan pembiayaan politik termasuk melobi	A	Strategi 1
2	Memperkenalkan sistem pengisyiharan harta Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen	A	Strategi 1
3	Menambahbaik dasar dan mekanisme berkaitan penerimaan hadiah, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran	A	Strategi 1
4	Melarang Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh daripada mengeluarkan surat sokongan ke atas mana-mana permohonan atau projek. Oleh itu, Semua Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk tidak lagi menerima surat sokongan sebagai arahan atau keputusan daripada Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh	A	Strategi 1
5	Memperkenalkan Arahan Perdana Menteri dalam pengurusan had bidang kuasa antara Menteri dengan Ketua Setiausaha	A	Strategi 1
6	Memperkenalkan dasar berhubung dengan pelantikan ahli politik sebagai Pengurus atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang berasaskan kepada kelayakan akademik dan/atau kelayakan profesional sahaja	A	Strategi 1
7	Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif	A	Strategi 2
8	Menguruskan penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Badan Berkanun	A	Strategi 2
9	Menyemak semula dan memperkuatkuhkan proses tapisan integriti sedia ada khususnya pegawai Kerajaan yang memegang jawatan dan tanggungjawab yang berisiko tinggi.	A	Strategi 2

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
10	Memperkenalkan garis panduan yang telus dalam pelantikan Pegawai Khas, Setiausaha Politik, Setiausaha Sulit, Setiausaha Media kepada semua Menteri dan Timbalan Menteri merangkumi perkara berikut: i) terma dan syarat pelantikan ii) bilangan pegawai yang layak dilantik iii) fungsi dan tanggungjawab iv) gaji dan imbuhan yang layak	A	Strategi 2
11	Mengawal selia kuasa ahli politik dan Individu Berpengaruh termasuk mengehadkan pengaruh, campurtangan dan kawalan terhadap prestasi dan pembuatan keputusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan	A	Strategi 2
12	Memastikan semua agensi dan agensi kawal selia untuk melaksanakan projek berdasarkan nasihat dan cadangan yang dikemukakan oleh jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan agensi teknikal yang berkaitan	A	Strategi 3
13	Mewujudkan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pelaksanaan kuasa-kuasa Menteri yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang khususnya dalam perolehan dan sistem kewangan	B	Strategi 3
14	Memperkenalkan klausula standard dalam semua perolehan projek yang diterima bagi melindungi kepentingan Kerajaan dalam semua projek/kontrak yang melibatkan Kerajaan, Badan Berkanun dan Syarikat Berkepentingan Kerajaan. Sekiranya berlakunya pelanggaran kontrak, maka Kerajaan boleh pada bila-bila masa, menamatkan dan /atau menafalkan kes sivil terhadap pihak dalam kontrak.	A	Strategi 3
15	Memastikan pengasingan kuasa yang jelas dan memartabatkan keadilan, iaitu kuasa pendakwaraya hendaklah diasingkan daripada kuasa Peguam Negara.	B	Strategi 4
16	Memberi keutamaan supaya kes rasuah didengar oleh hakim dan diuruskan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang berpengalaman dan dilatih dalam menguruskan kes rasuah	B	Strategi 4
17	Menyepadukan agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam mengurus kawalan sempadan bagi memastikan pengurusan sempadan yang berkesan	B	Strategi 5
18	Menambahbaik sistem pengurusan pekerja asing berpusat dengan cara memperkemas dan menyepadukan sistem permohonan pekerja asing atas talian sedia ada	A	Strategi 5
19	Mentransformasikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuwa (SIAP) kepada Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) bagi menangani isu integriti dan mengekang salah laku anggota Polis Diraja Malaysia	B	Strategi 5
20	Memasukkan peruntukan baharu dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) berkaitan kesalahan oleh organisasi komersial atau seseorang individu dalam penjualan projek/tender Kerajaan kepada pihak lain untuk faedah kewangan tanpa melaksanakan projek/tender tersebut; peruntukan ini hendaklah juga mewajibkan mana-mana individu yang mendapat faedah daripada penjualan projek/tender untuk mendedahkan pemilikan benefisiarinya	B	Strategi 5
21	Memperkenalkan sistem tapisan integriti dalam pemilihan pengurusan tertinggi dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG)	A	Strategi 6
22	Mengenakan pendekatan bersyarat dalam penggunaan dana kerajaan ke atas semua Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan	A	Strategi 6

# BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS POLITIK

## STRATEGI 1: Memperkuuh Akauntabiliti dan Integriti Politik

### OBJEKTIF STRATEGIK 1.1: Mereformasi Sistem Perundangan dan Pilihan Raya

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
1.1.1	Melaksanakan kajian ke atas kesesuaian penggunaan dan pelaksanaan sistem pilihan raya elektronik	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.1.2	Mengkaji semula jumlah perbelanjaan pilihan raya yang dibenarkan bagi setiap kawasan pilihan raya; pihak yang dibenarkan untuk menerima dan membuat perbelanjaan; mentafsir dengan lebih jelas definisi perbelanjaan pilihan raya	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
1.1.3	Menentukan tarikh tetap untuk hari Pilihan Raya atau menentukan tempoh tetap untuk Kerajaan mengisyiharkan Pilihan Raya Umum. Sebarang Pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sebelum tarikh atau tempoh yang ditetapkan hanya boleh dilaksanakan dengan kelulusan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri	i. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ii. Parlimen Malaysia	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
1.1.4	Membentuk proses penentuan persempadanan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang telus	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.1.5	Mengkaji semula dan memperkasakan Bahagian III (Perbuatan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)	i. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.1.6	Menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan Suruhanjaya Pilihan Raya	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.1.7	Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen dwi-parti berhubung hal pilihan raya: i) Keahlian dalam Suruhanjaya Pilihan Raya ii) Sumber kewangan Suruhanjaya Pilihan Raya iii) Pelaksanaan Persempadanan iv) Sebarang perkara yang melibatkan kepentingan awam dan negara	i. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ii. Parlimen Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.1.8	Meminda Perkara 114 (4) dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung Perlembagaan Suruhanjaya Pilihan Raya dengan menambah kriteria untuk membatalkan keahlian dalam Suruhanjaya Pilihan Raya termasuk penglibatan dalam parti politik (dahulu atau sekarang)	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
1.1.9	Memasukkan peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan penggunaan aset dan jentera Kerajaan untuk mempromosi calon yang bertanding dalam pilihan raya atau parti politik di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

## OBJEKTIF STRATEGIK 1.2: Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran Kerajaan

1.2.1	Memperkenalkan sistem pengisytiharan harta Anggota Pentadbiran	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.2.2	Menambahbaik dasar dan mekanisme berkaitan penerimaan hadiah, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.2.3	Mengukuhkan kebebasan Jabatan Audit Negara dan memberi autonomi yang lebih luas dengan meletakkannya di bawah Parlimen	Jabatan Audit Negara (JAN)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.2.4	Meminda Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dengan memasukkan tafsiran tajaan serta memperkuatkan mekanisme pemantauan	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.2.5	Memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan pembiayaan politik termasuk kesalahan melobi	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
1.2.6	Mentransformasi Biro Pengaduan Awam kepada Ombudsman Malaysia	Biro Pengaduan Awam (BPA)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
1.2.7	Meminda Perlembagaan Persekutuan/Undang-Undang Tubuh Negeri bagi mengehadkan tempoh memegang jawatan bagi Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar	i. Parlimen Malaysia ii. Dewan Undangan Negeri iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.2.8	Memperkenalkan rang undang-undang baharu berhubung Kebebasan Maklumat	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.2.9	Memperkenalkan perundangan bertulis berkaitan perisyntihar harta dan kepentingan oleh Ahli Parlimen	i. Parlimen Malaysia ii. Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 1.3: Menangani Campur Tangan Ahli Politik dalam Perkhidmatan Awam dan Pentadbiran Pihak Tempatan</b>			
1.3.1	Melarang Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh daripada mengeluarkan surat sokongan ke atas mana-mana permohonan atau projek. Oleh itu, Semua Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk tidak lagi menerima surat sokongan sebagai arahan atau keputusan daripada Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.3.2	Memperkenalkan Arahan Perdana Menteri dalam pengurusan had bidang kuasa antara Menteri dengan Ketua Setiausaha	Perkhidmatan Awam (JPA)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.3.3	Memperkenalkan dasar berhubung dengan pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang berasaskan kepada kelayakan akademik dan/atau kelayakan profesional sahaja	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.3.4	Memperkenalkan dasar menyekat campur tangan politik dan Individu Berpengaruh dalam kenaikan pangkat, pelantikan dan pemilihan dalam jawatan-jawatan Kerajaan	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.3.5	Memperkenalkan dasar yang jelas bagi menyekat campur tangan politik dalam membuat keputusan mengenai pemecatan dan pelantikan Pengerusi / Ahli Lembaga Pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bagi Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 1.4: Memperkasa Autoriti dan Tadbir Urus Parlimen</b>			
1.4.1	Menguatkuasakan kuasa Parlimen untuk menghukum perbuatan menghina Parlimen dengan mengkehendaki Menteri, penjawat awam dan orang awam: a) untuk hadir ke hadapan Jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan; dan b) memberi maklumat	Parlimen Malaysia	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.4.2	Memperkenalkan Kod Tata Kelakuan Ahli Parlimen untuk dikuatkuasakan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan	i. Parlimen Malaysia ii. Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
1.4.3	Menggesa supaya semua laporan audit dikemukakan kepada Parlimen (tanpa menyembunyikan, memalsukan dan mengubah apa-apa maklumat) dan dalam keadaan tertentu yang melibatkan keselamatan atau kepentingan negara, ia hendaklah dilaksanakan mengikut Peraturan 93 – Peraturan-Peraturan Majlis Dewan Rakyat	i. Parlimen Malaysia ii. Jabatan Audit Negara (JAN)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.4.4	Memperkenalkan Kod Etika untuk Ahli Parlimen melalui Peraturan-Peraturan Majlis merangkumi Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang untuk diikuti	i. Parlimen Malaysia ii. Jabatan Audit Negara (JAN)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
1.4.5	Mengkehendaki Yang DiPertua Dewan Rakyat meletak jawatan daripada mana-mana jawatan yang dipegang dalam parti politik apabila dipilih sebagai Yang Dipertua.	Parlimen Malaysia	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
1.4.6	Memperkenalkan garis panduan bertulis tentang peranan Kerajaan sementara	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
1.4.7	Menubuhkan fungsi latihan di Parlimen Malaysia untuk melatih Ahli Parlimen	Parlimen Malaysia	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
1.4.8	Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen berhubung perbelanjaan untuk meneliti dasar kewangan Kerajaan mengenai sumber pendapatan dan perbelanjaan	Parlimen Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.4.9	Memperkasa bidang kuasa Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dengan kuasa untuk membuat pemeriksaan ke atas semua institusi dan entiti yang menerima sumber kewangan dari Kerajaan	i. Parlimen Malaysia ii. Kementerian Kewangan (MOF) iii. Agenzi berkaitan	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.4.10	Mencadangkan rang undang-undang pelantikan penjawat awam 2018 untuk mengawal pelaksanaan kuasa eksekutif dalam pelantikan jawatan awam yang dinyatakan dalam Perlumbagaan Persekutuan dan Akta	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.4.11	Menguatkuasakan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963	Parlimen Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
1.4.12	Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen dalam mengawal selia Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ombudsman Malaysia (sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengaduan Awam (BPA) dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) iv. Biro Pengaduan Awam (BPA)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

# BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

## STRATEGI 2: Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

### OBJEKTIF STRATEGIK 2.1: Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA	
2.1.1	Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif	i. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ii. Jabatan/Agenzi di peringkat Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)	
2.1.2	Menggubal dasar dalam mengurus penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Badan Berkanun	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Jabatan/ Agenzi di Peringkat Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)	
2.1.3	Memperkenalkan pensijilan <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS) MS ISO 37001 di semua agensi Kerajaan	i. Jabatan Standard Malaysia (JSM) ii. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) iii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)	
2.1.4	Mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam melalui:	a. Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) untuk mengukur dan menganalisis nilai baik di tempat kerja dalam sektor awam berpandukan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 Siri 7 No. 1 Tahun 2007  b. Modul Pemantapan Nilai Perkhidmatan Awam Modul ini mencadangkan inisiatif dalam memantapkan dan menyepakukan nilai dalam struktur, proses, sistem dan penyampaian dalam pengoperasian sektor awam	i. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ii. Kementerian/Jabatan/ Agenzi /Pihak Berkua Tempatan yang berkaitan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
2.1.5	Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)	
2.1.6	Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Kementerian/Jabatan/Agenzi/ Pihak Berkua Tempatan yang berkaitan	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)	

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 2.2: Menggalakkan Merit dan Integriti dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Pelantikan ke Mana-Mana Jawatan</b>			
2.2.1	Memperkenalkan dasar dalam pengurusan pelantikan perunding merangkumi aspek peranan dan tanggungjawab; mengehadkan penglibatan perunding yang dilantik dalam hal ehwal kewangan dan dasar organisasi	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
2.2.2	Memperkenalkan dasar dalam menguruskan pelantikan pegawai <i>Contract For Service</i> (CFS) di semua agensi Kerajaan untuk mengehadkan penglibatan CFS dalam hal ehwal kewangan dan dasar organisasi	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
2.2.3	Menambahbaik proses kenaikan pangkat perkhidmatan awam sedia ada dengan mengambilkira elemen integriti sebagai prasyarat (termasuk pegawai tinggi Kerajaan)	i. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
2.2.4	Memperkenalkan garis panduan yang telus dalam pelantikan Pegawai Khas, Setiausaha Politik, Setiausaha Sulit, Setiausaha Media kepada semua Menteri dan Timbalan Menteri merangkumi perkara berikut: i) terma dan syarat pelantikan ii) bilangan pegawai yang layak dilantik iii) fungsi dan tanggungjawab iv) gaji dan imbuhan yang layak	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
2.2.5	Memperkenalkan dasar/garis panduan "tempoh bertenang" ( <i>cooling-off period</i> ) untuk penjawat awam dan pegawai kanan Kerajaan sebelum menerima pelantikan ke jawatan eksekutif di entiti korporat	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
2.2.6	Memperkenalkan dasar penempatan daripada kalangan pegawai berkariere diplomatik sahaja dan bukan ahli politik sebagai Ketua Perwakilan Malaysia di luar negara (Duta/Pesuruhjaya Tinggi/ Konsulat Malaysia)	i. Wisma Putra (KLN) ii. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
2.2.7	Menyemak semula dan memperkuatkannya proses tapisan integriti sedia ada khususnya pegawai Kerajaan yang memegang jawatan dan tanggungjawab yang berisiko tinggi	i. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
2.2.8	Mewajibkan Pegawai Atase yang ditempatkan di Perwakilan Malaysia di luar negara untuk bertanggungjawab kepada Ketua Perwakilan di luar negara (Duta/Pesuruhjaya Tinggi/ Konsulat Malaysia)	i. Wisma Putra (KLN) ii. Kementerian/Jabatan/Agenzi yang berkaitan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
-----	-----------	-----------------	-------------

## OBJEKTIF STRATEGIK 2.3: Mengukuhkan Akauntabiliti Pihak Berkuasa Tempatan

2.3.1	Mengawal selia kuasa ahli politik dan Individu Berpengaruh termasuk mengehadkan pengaruh, campurtangan dan kawalan terhadap prestasi dan pembuatan keputusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
2.3.2	Menubuhkan suruhanjaya perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.3.3	Memperkenalkan skim pusingan kerja untuk pegawai dan kakitangan pihak berkuasa tempatan yang memegang sesuatu jawatan untuk suatu tempoh masa	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

## OBJEKTIF STRATEGIK 2.4: Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesional Berterusan dalam kalangan Pegawai Awam melalui Program berdasarkan kepada *Human Governance*

2.4.1	Mengkaji semula bagi memantapkan kurikulum bagi pendidikan guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi merangkumi aspek integriti, tadbir urus insan dan antirasuah	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.2	Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi pensyarah di institut pengajian tinggi.	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.3	Memperkuuhkan program kepemimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir sedia ada di Kementerian Pendidikan dengan memasukkan elemen tadbir urus insan	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.4	Memperkuuhkan program kepemimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir di semua pusat pengajian tinggi dengan memasukkan elemen tadbir urus insan	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.5	Memberi penekanan yang lebih terhadap kepentingan nilai murni insan dalam silibus pendidikan pra-sekolah	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
2.4.6	Memperkuatkan pendidikan di peringkat sekolah rendah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jatidiri dan kepimpinan yang utuh	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.7	Memperkenalkan kursus matapelajaran wajib universiti pada peringkat ijazah pertama yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.8	Memberi penekanan kepada aspek integriti dan antirasuah dalam program keusahawanan	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.9	Menyebarluas mesej antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui pelbagai saluran media secara berterusan	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.10	Menyebarluas mesej berkenaan antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui penglibatan pelbagai agensi agama dan badan bukan Kerajaan NGOS secara berterusan	i. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ii. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iii. Organisasi agama	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.11	Memperkuatkan pendidikan di peringkat sekolah menengah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jatidiri dan kepimpinan yang utuh	i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.12	Mendekati golongan belia yang berada di luar sistem pendidikan formal (remaja tercincir) melalui kelab, persatuan dan organisasi belia untuk menerapkan nilai integriti, tadbir urus dan antirasuah	i. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.13	Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi penjawat awam	i. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
2.4.14	Memperkuatkan elemen tadbir urus insan, integriti dan antirasuah dalam program pembangunan profesional berterusan kepada Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan pihak swasta	i. Agensi Kawal Selia yang Berkaitan dan Badan-Badan Profesional ii. Institut Integriti Malaysia iii. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iv. Suruhanjaya Sekuriti (SC) v. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

# BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

## STRATEGI 3: Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

### OBJEKTIF STRATEGIK 3.1: Memperkuatkan Kerangka Perolehan Awam

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
3.1.1	Memperkenalkan dasar perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan	Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
3.1.2	Memastikan semua agensi dan agensi kawal selia untuk melaksanakan projek berdasarkan nasihat dan cadangan yang dikemukakan oleh jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan agensi teknikal yang berkaitan	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Jabatan Kerja Raya (JKR) iii. Agensi Teknikal yang berkaitan iv. Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
3.1.3	Memperkuatkan <i>Integrity Pact</i> sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) iii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
3.1.4	Menambahbaik Sistem Pemantauan Projek II dalam memantau kitaran pengurusan projek Kerajaan agar lebih berkesan dan cekap	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
3.1.5	Memperkenalkan perundangan berkaitan perolehan awam dalam mengawal selia aktiviti perolehan, menambahbaik penggunaan sumber secara cekap, menjaga kepentingan negara dan melindungi hak-hak pihak yang terikat dengan kontrak	Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
3.1.6	Mewujudkan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pelaksanaan kuasa-kuasa Menteri yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang khususnya dalam perolehan dan sistem kewangan	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 3.2: Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan</b>			
3.2.1	Memperkenalkan mekanisme yang lebih telus dalam mencegah kebocoran maklumat dalam proses perolehan	Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
3.2.2	Memperkenalkan klausula standard dalam semua perolehan projek yang diterima bagi melindungi kepentingan Kerajaan dalam semua projek/kontrak yang melibatkan Kerajaan, Badan Berkanun dan Syarikat Berkepentingan Kerajaan. Sekiranya berlakunya pelanggaran kontrak, maka Kerajaan boleh pada bila-bila masa, menamatkan dan/atau menfaillkan kes sivil terhadap pihak dalam kontrak	Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
3.2.3	Memastikan pelantikan kontraktor penyelamat melalui tender terbuka	Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
3.2.4	Memperkenalkan mekanisme untuk mengekang ketirisan dalam dana Kerajaan (dana bantuan) dan geran	Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
3.2.5	Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuas hati	Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
3.2.6	Memperkenalkan mekanisme semak dan imbang dalam urusan perolehan dengan penglibatan pegawai daripada Unit Integriti dan Unit Audit Dalam	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) iii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iv. Jabatan Audit Negara (JAN) v. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
3.2.7	Meminda kaedah dan peraturan dalam memantau sebarang salah laku oleh kontraktor dan perunding projek (Jurutera Perunding)	i. Kementerian Kerja Raya (KKR) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iii. Institut Integriti Malaysia iv. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
3.2.8	Memperkenalkan sistem <i>e-Work</i> dalam memantau pengurusan projek, kelulusan projek dan analisis nilai	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Kerja Raya (KKR)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
3.2.9	Meningkatkan sistem perolehan berdasarkan teknologi ( <i>e-perolehan</i> ) bagi mengurangkan campurangan manusia	Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
3.2.10	Mermantau kelemahan dalam pengurusan projek Kerajaan di Sabah dan Sarawak secara berkolaborasi dengan agensi penguatkuasa undang-undang dan Jabatan Kerja Raya	Jabatan Kerja Raya (JKR)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

# BIDANG KEUTAMAAN: PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

## STRATEGI 4: Mempertingkat Kredibiliti Sistem Perundangan dan Kehakiman

### OBJEKTIF STRATEGIK 4.1: Menambahbaik Keberkesanan Institusi Sistem Perundangan dan Kehakiman

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
4.1.1	Mengkaji dan menyemak semula Kod Etika Hakim dengan membuat pindaan melalui penambahan perkara berkaitan tegahan ke atas hakim untuk menerima sebarang pelantikan dalam jawatan di entiti komersial dalam tempoh tiga tahun sejurus selepas tarikh persaraan	i. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) ii. Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman iii. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
4.1.2	Menambah Mahkamah Khas Rasuah di seluruh negara bagi menguruskan kes rasuah yang tertunggak	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
4.1.3	Memberi keutamaan supaya kes rasuah didengar oleh hakim dan diuruskan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang berpengalaman dan terlatih dalam menguruskan kes rasuah	i. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan ii. Jabatan Peguam Negara	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
4.1.4	Memisahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan kepada tiga suruhanjaya yang berasingan: i. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman bertanggungjawab dalam penggajian pegawai kehakiman ii. Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan bertanggungjawab dalam penggajian di Jabatan Peguam Negara iii. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendakwaraya bertanggungjawab dalam penggajian Timbalan Pendakwaraya di Pejabat Pendakwaan	i. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) ii. Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
4.1.5	Memastikan pengasingan kuasa yang jelas dan memartabatkan keadilan, iaitu kuasa pendakwaraya hendaklah diasingkan daripada kuasa Peguam Negara. i. Peguam Negara: Peguam Negara tidak melaksanakan sebarang kuasa dan tanggungjawab dalam hal ehwal perundangan. Seorang Peguam Negara perlu hadir ke Mesyuarat Kabinet dan Parlimen apabila dijemput ii. Pendakwa Raya: Pendakwa Raya mengambil alih tugas dan kuasa pendakwaan daripada Peguam Negara, dan boleh mengarahkan inkues untuk mengenalpasti sebab dan keadaan sesuatu kematian	Jabatan Peguam Negara	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
4.1.6	Memperkenalkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di Mahkamah Khas Rasuah	i. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan ii. Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)



# **BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

## **STRATEGI 5: Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang**

### **OBJEKTIF STRATEGIK 5.1: Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasa Undang-Undang**

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
5.1.1	Menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan memasukkan elemen teknologi bagi mengurangkan kes kekerasan ke atas tahanan/banduan oleh pegawai penguatkuasa	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
5.1.2	Membendung salah laku dalam Jabatan Imigresen Malaysia melalui kawalan dalaman	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
5.1.3	Menyepadukan agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam mengurus kawalan sempadan bagi memastikan pengurusan sempadan yang berkesan	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
5.1.4	Menubuhkan <i>Royal Commission of Inquiry</i> (RCI) untuk menyiasat kewujudan kem pemerdagangan manusia dan kubur di Wang Kelian, Perlis	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

### **OBJEKTIF STRATEGIK 5.2: Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi dalam Penguatkuasaan Undang-Undang**

5.2.1	Membudayakan amalan ketelusan dalam sistem pengurusan pekerja asing	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
5.2.2	Menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat di semua pusat tahanan	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
5.2.3	Menambahbaik sistem pengurusan pekerja asing berpusat dengan cara memperkemas dan menyepadukan sistem permohonan pekerja asing atas talian sedia ada	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
5.2.4	Menggunakan teknologi digital untuk memantau aktiviti haram dan tidak sah seperti pendatang asing tanpa izin, penyeludupan dan aktiviti haram lain di semua pusat kawalan sempadan dan pintu masuk negara	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
5.2.5	Mewujudkan sistem pengkalaran data yang bersepadan untuk pendaftaran masuk dan keluar imigran dari Malaysia	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 5.3: Memperkuatkuan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang</b>			
5.3.1	Menubuhkan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional sebagai agensi yang berwibawa dalam pengurusan aset yang dirampas dan dilucutkak melalui penguatkuasaan bersepdu	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
5.3.2	Memperkasa Suruhanjaya Pasukan Polis khususnya dalam menguruskan kebijakan, logistik, tenaga kerja dan peruntukan kewangan untuk latihan	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
5.3.3	Memperkasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
5.3.4	Mentransformasikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) kepada Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) bagi menangani isu integriti dan mengekang salah laku anggota Polis Diraja Malaysia	i. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) ii. Jabatan Peguam Negara iii. Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 5.4: Menambahbaik Perundangan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang</b>			
5.4.1	Memasukkan peruntukan baharu dalam undang-undang sedia ada berkaitan salah laku penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dan kerugian dana Kerajaan secara sengaja	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
5.4.2	Meminda Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dalam penetapan kuasa menyenarai hitam individu daripada meninggalkan negara dalam keadaan tertentu sepertimana yang ditetapkan oleh undang-undang	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
5.4.3	Memasukkan peruntukan baharu dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) berkaitan kesalahan oleh organisasi komersial atau seseorang individu dalam penjualan projek/tender Kerajaan kepada pihak lain untuk faedah kewangan tanpa melaksanakan projek/tender tersebut; peruntukan ini hendaklah juga mewajibkan mana-mana individu yang mendapat faedah daripada penjualan projek/tender untuk mendedahkan pemilikan benefisiarinya	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)
5.4.4	Mencadangkan hukuman penjara minimum bagi sabitan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)

# BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS KORPORAT

## STRATEGI 6: Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat

### OBJEKTIF STRATEGIK 6.1: Memastikan Pengamalan Ketelusan Oleh Pihak yang Mengawal Entiti Korporat

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
6.1.1	Memperkenalkan tapisan integriti dalam pemilihan pengurusan tertinggi dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) iii. Suruhanjaya Sekuriti (SC) iv. Jabatan Perdana Menteri (JPM) v. Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan vi. Institut Integriti Malaysia	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
6.1.2	Mengenakan pendekatan bersyarat dalam penggunaan dana Kerajaan ke atas semua Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Suruhanjaya Sekuriti (SC) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
6.1.3	Mengenakan perisyiharan penuh ke atas semua Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berkaitan perkara berikut:  i. pegangan saham pengurusan kanan samada secara langsung dan tidak langsung ii. jawatan seseorang ahli lembaga pengarah dan mana-mana jawatan utama di syarikat awam yang lain (disenaraikan atau pun tidak) iii. ganjaran seseorang pengarah secara terperinci iv. ganjaran yang diterima oleh pengurusan kanan berdasarkan band	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 6.2: Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah di Entiti Korporat</b>			
6.2.1	Mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia	i. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) ii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iv. Institut Integriti Malaysia v. Badan Berkanun vi. Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SOEs) vii. Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) viii. Sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
6.2.2	Memperkuuhkan program kesedaran dan keterlibatan antirasuah dengan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta	i. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
6.2.3	Memperluaskan penempatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO) di semua Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) v. Suruhanjaya Sekuriti vi. Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
6.2.4	Mencadangkan <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS) MS ISO 37001 sebagai syarat ke atas Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta untuk membida kontrak Kerajaan	i. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) ii. Kementerian Kewangan (MOF) iii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
6.2.5	Mengeluarkan Arahan Perdana Menteri dalam mentadbir perisytiharan konflik kepentingan dan isu ketelusan dan kecekapan di kalangan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan	i. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) ii. Kementerian Kewangan (MOF) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Suruhanjaya Sekuriti (SC) v. Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
6.2.6	Mewujudkan mekanisme perisytiharan penuh maklumat anak syarikat dan syarikat bukan disatukan dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Suruhanjaya Sekuriti (SC) v. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) vi. Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)
6.2.7	Memperkenalkan peruntukan undang-undang yang menegah sebarang sumbangan kepada ahli politik dan parti politik oleh Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Suruhanjaya Sekuriti (SC) v. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) vi. Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 5 tahun (Jan 2019-Dis 2023)



# BAB 4

## Tadbir Urus



# MEKANISME PELAKSANAAN


Untuk memastikan inisiatif antirasuah negara dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Kerajaan telah menubuhkan struktur khusus pentadbiran antirasuah yang melibatkan pelbagai peringkat melalui "Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 - Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan" pada 5 Oktober 2018.

Struktur pentadbiran tersebut mengandungi tiga tahap:

- 1) Tahap Parlimen
- 2) Tahap Kabinet Khas
- 3) Tahap Operasi

Ketiga-tiga tahap ini memberi tumpuan kepada tugas-tugas berikut: penilaian risiko rasuah, pengabsahan dasar dan penyelesaian, pelaksanaan program dan aktiviti serta pemantauan dan penilaian prestasi. Butiran struktur adalah seperti berikut:

## Struktur Tadbir Urus Pelan Antirasuah Nasional (NACP)



# KERANGKA PELAKSANAAN NACP

Pelaksanaan NACP merangkumi tiga peringkat yang terdiri daripada peringkat antarabangsa, peringkat persekutuan dan peringkat negeri. Peringkat-peringkat ini dihubungkan oleh saling kaitan antara agensi Persekutuan dan negeri di samping aktor bukan negara yang secara bersama memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan, pelaporan dan semakan Pelan ini. Saling kaitan ini juga membantu memastikan persefahaman bersama, pembentukan dasar yang mampan, komitmen terhadap perkongsian sumber dan pelaksanaan yang teratur.

Secara keseluruhannya, kerangka pelaksanaan NACP akan mempermudahkan pelaksanaan strategi dan inisiatif antirasuah di setiap agensi. Prestasi dan penilaian semua agensi akan dipantau dan dinilai secara berkala menggunakan pendekatan sistematis yang dibangunkan oleh GIACC. Ringkasan pelaksanaan kerangka NACP adalah seperti berikut:



# KOORDINASI PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

**NACP merupakan satu dokumen terbuka yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan oleh semua pemegang taruh (agensi peneraju). Pelan ini bermatlamat untuk menyumbang kepada pembaharuan strategi antirasuah di Malaysia.**

Menurut Panduan Mengenai Dasar Antirasuah oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, proses pemantauan akan menyediakan maklumat penting dalam membantu organisasi untuk meneroka strategi baharu serta menambahbaik strategi sedia ada mengikut keperluan.

Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau. Adalah sangat penting untuk mengenalpasti semua indikator yang boleh menunjukkan kegagalan dalam fasa pelaksanaan pelan. Indikator ini akan berfungsi sebagai panduan terbaik kepada sekretariat GIACC dan juga JKMMAR untuk mengabsahkan setiap pelan pelaksanaan oleh agensi peneraju. Melalui pengabsahan ini, setiap input akan dipadankan kepada output yang sesuai, justeru menjamin pencapaian hasil yang dikehendaki. Bagi memastikan keberkesanannya, kerjasama antara institusi adalah merupakan elemen paling penting dalam mekanisme pemantauan. GIACC sebagai penyelaras utama akan bekerjasama erat dengan semua pemegang taruh yang berkaitan untuk memudahkan pelaksanaan dan memberi pandangan apabila diperlukan.


GIACC juga akan mengadakan Mesyuarat Koordinasi Pemantauan dwitahunan yang melibatkan individu bertanggungjawab di kalangan pemegang taruh berkaitan dalam usaha untuk memantau perkembangan Pelan dan pada masa yang sama memberi panduan dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, setiap pemegang taruh yang berkaitan dikehendaki mengemukakan laporan dengan menggunakan templat yang ditetapkan untuk mengemaskini perkembangan pelaksanaan pada setiap suku tahun.

Ringkasnya, adalah penting untuk menekankan keutamaan pemantauan dan penilaian bagi memastikan kejayaan NACP. Amalan ini akan melibatkan semua pemegang taruh dalam melaksanakan strategi dan inisiatif yang dirangka. Pemantauan dan penilaian merupakan amalan penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil telah memenuhi jangkaan dan matlamat NACP. Amalan ini juga perlu untuk tujuan kebertanggungjawaban, serta meneguhkan usaha penyelaras.






# MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN



## MEKANISME PENILAIAN





## MESYUARAT PENYELARASAN PRESTASI

- Mesyuarat dwitahunan
- Penilaian kualitatif dan kuantitatif semua inisiatif
- Meneliti matlamat NACP dengan menilai strategi dan inisiatif
- Memantau proses pelaksanaan NACP







## **BAB 5**

### Kesimpulan



# KESIMPULAN

Untuk beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah melalui masa yang sukar lantaran berhadapan dengan isu besar dalam usahanya untuk memerangi rasuah; episod sukar ini diharap tidak akan berulang pada masa akan datang. Memetik kata-kata YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, Malaysia perlu dikenali kerana integriti dan bukannya kerana rasuah. Oleh itu, dalam menghadapi cabaran globalisasi dan senario politik yang tidak menentu, Kerajaan perlu menetapkan hala tujunya melalui pembangunan suatu strategi bersepadu dan menyeluruh dalam usaha untuk memerangi rasuah.



## NACP ialah permulaan kepada suatu perjalanan getir yang panjang dalam usaha untuk menghapuskan rasuah di Malaysia

Kerajaan baru meletakkan usaha yang lebih dan memberikan keutamaan dalam memerangi rasuah untuk kebaikan Malaysia. Dalam merealisasikan inisiatif ini, Kerajaan telah memberi mandat kepada Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) untuk membangunkan satu Pelan Pencegahan Rasuah Nasional (NACP) bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara menyeluruh. Selaras dengan matlamat untuk mencapai Wawasan 2020, pelan ini juga akan bertindak sebagai suatu kerangka bagi transformasi ke arah negara yang bersih dan dihormati.

NACP menggariskan wawasan jangka panjang tindakan antirasuah ke arah negara bebas rasuah menerusi 115 inisiatif untuk dilaksanakan. Melalui enam strateginya, NACP akan memastikan usaha pembanterasan rasuah diperkemas di kalangan aktor politik, entiti korporat, agensi penguatkuasaan dan pihak yang berkepentingan. Para pemegang taruh dijangka membangunkan OACP dalam manangani isu integriti, tadbir urus dan antirasuah di organisasi masing-masing.

Kerajaan memainkan peranan penting untuk memastikan sumber daya (contohnya sumber manusia dan kewangan) serta capaian kepada sumber daya ini tersedia kepada semua pemegang taruh yang berkenaan untuk melaksanakan inisiatif masing-masing. Pelan ini akan menjadi pelan pertama seumpamanya yang merangkumkan isu tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam suatu kerangka bersepadu.

Untuk memastikan kelestarian NACP, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau dan dikaji secara berkala. Maklum balas, nasihat serta panduan berterusan akan dibuat supaya selari dengan perubahan semasa dan keperluan strategik negara. Keseluruhan pelaksanaan NACP juga akan diperkuju oleh prinsip tadbir urus insan. Dengan cara ini, NACP akan kekal relevan dan menjadi rujukan melewati garis masa mandat NACP itu sendiri.

# PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Suruhanjaya/Jabatan/Agenzi seperti di bawah dalam membantu bagi memberikan input, analisis dan sokongan yang padu:

Jabatan Audit Negara yang diketuai oleh

**YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang diketuai oleh

**YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull**

Jabatan Peguam Negara yang diketuai oleh

**YBrs. Tuan Tommy Thomas**

Biro Pengaduan Awam yang diketuai oleh

**YBhg. Datuk Harjeet Singh**

Institut Integriti Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian dalam meluangkan masa dan input yang dikemukakan

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan

Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli



Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia  
Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan  
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan  
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama  
Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri  
Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan  
Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia  
Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Pakar daripada *Corruption and Economic Crime Branch, United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)* untuk nasihat dan panduan dalam membangunkan NACP. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada:

Ms. Brigitte Strobel-Shaw  
Ms. Tanja Santucci  
Mr. Constantine Palicarsky  
Mr. Francesco Checchi

Pihak berkepentingan luar yang telah memberikan input sepanjang penyediaan pelan tersebut.  
Kami sangat berharap pelan ini akan memberi manfaat kepada semua dan kami sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk komitmen yang tidak berkesudahan

# PASUKAN PENYUNTING

## PENASIHAT

**YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed**

## PERUNDING UTAMA

Dr. Farizal bin Mohd Razalli

Pusat Dasar dan Tadbir Urus Global (GAP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pelan Antirasuah Nasional ini direalisasikan oleh penyertaan yang kuat dan sokongan berterusan daripada, tetapi tidak terhad kepada:

Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC);

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan

Malaysian Foresight Institute (myForesight®), MIGHT

Terima kasih juga kepada mereka yang telah mengambil masa untuk membantu dan memberikan maklum balas yang berharga kepada kami:

YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali

YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziuddin bin Ahmad

YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Idris

YBhg. Dato' Hisham bin Nordin

YBhg. Datin Radhika Nandrajog a/p Suraj Prakash

YBhg. Puan Sri Merina Hew

YBhg. Prof. Dr. Arfah binti Salleh

Dr. Che Yang binti Kassim

Dr. Nor'Ashikin binti Ujang

Dr. Abdul Hamid bin Abdul Murad

Hajah Khalidah binti Abd Karim

Tuan Norman bin Ali

Tuan Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

Tuan Edriely bin Ibrahim

Tuan Mohd Ghazali bin Mohd Shafie

Tuan Mohd Rafee bin Md. Anas

Tuan Teh Chau Chin

Tuan Mohamad bin Puteh

Puan Suraya Hani binti Roslan

Puan Zakiah binti Hassan

Puan Sofiah binti Abdul Hamid

Puan Badrah binti Yussuf

Puan Cynthia Gabriel

Puan Tze Chin Chak

Puan Chitra a/p Subramaniam

YBhg. Dato' Sri Zakaria bin Jaafar

YBhg. Dato' Sutinah binti Sutan

YBhg. Dato' Kamaruddin bin Jaafar

YBhg. Dato' Samsiah binti Abu Bakar

Y.Bhg. Datuk Dr. Mohd. Yusoff bin Sulaiman

YBhg. Datuk Dr. Anis Yusal bin Yusoff

Y.M. Datin Wira Ungku Ashiela binti Ungku Hamzah

Dr. Mohd Nizam bin Ali

Dr. Hasimah binti Ibrahim

Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Dr. Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin

Tuan Thaipul Bahri bin Mokhtar

Tuan Muniandy a/l Palanappan

Tuan Ahmad Nazri bin Md. Nor

Tuan Terence Fernandez

Tuan Muhammad Nazim bin Abd Rahman

Tuan Azizi bin Haji Wahab

Tuan Mohd Nizam Mahshar

Tuan Chen Chwen Shin

Puan Lim Bee Kean

Puan Marliza binti Lijong

Puan Ida Rahayu bin Zamani

Puan Alina binti Abdul Karim

Puan Zetty Zabrina binti Azrullah

Puan Teh Najwa Liyana binti Baharuddin



ISBN 978-983-43953-9-1



A standard linear barcode representing the ISBN number 978-983-43953-9-1.

9 789834 395391